



# Kajian Rentas Mengenai Pendedahan Racun Serangga Dengan Keupayaan Paru-Paru Dan Simptom Penyakit Kulit Dalam Kalangan Pesawah Daerah Seberang Perai Tengah Pulau Pinang.

Zulhilmi Badrulhisam<sup>a</sup>, Syazwan Aizat Ismail<sup>a\*</sup> & Umathavan A/L Arumugam<sup>a,b</sup>

<sup>a</sup>Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sungai Buloh (Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sg Buloh), Jalan Hospital, 47000, Sungai Buloh, Selangor

<sup>b</sup>Pusat Latihan Amali (PLA) Bukit Mertajam, Pulau Pinang

\*Corresponding author: [syazwan.ismail.upm@gmail.com](mailto:syazwan.ismail.upm@gmail.com) OR [syazwanaizat@moh.gov.my](mailto:syazwanaizat@moh.gov.my)

## Abstrak

Pendedahan racun perosak telah digunakan secara meluas sama ada dalam negara kita atau negara lain kerana ia adalah mudah untuk mendapatkan dan juga berpatutan untuk membeli. Kegunaan yang luas dan intensif racun perosak telah mendedahkan mana-mana manusia kepada pelbagai bahaya dan memberikan beberapa kesan negatif kepada kesihatan manusia. Satu kajian keratan rentas telah dijalankan kepada 80 pesawah di daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Kriteria pemilihan sampel adalah pesawah yang tidak mempunyai apa-apa masalah perubatan kronik, menggunakan apa-apa racun perosak bagi enam bulan yang lalu dan bersetuju untuk bekerjasama untuk kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pendedahan racun serangga dan hubungan dengan simptom dan fungsi paru-paru. Ukuran yang terdedah telah dikumpulkan semasa dan selepas aplikasi yang menggunakan pemerhatian seterusnya memberikan penilaian pendedahan seperti DERM dan TVS. Borang DERM telah diisi oleh pesawah sebelum mengendalikan racun perosak. Pendedahan racun perosak telah dikesan di bilik gelap menggunakan cahaya UV bagi mengesan *fluorescent tracer* yang diletakkan bersama-sama racun serangga. Imej pada kain pesawah selepas penggunaan telah dinilai. Keamatan skor yang datang dari corak diberikankan dari 0 ke 5 (rendah ke tinggi). Kawasan terdedah adalah bahagian bahagian badan yang tercemar juga diberikan skor (kedudukan 0-5). Hasil daripada skor ini menyebabkan nilai dipanggil Segmen Badan Skor (BSS). Jumlah BSS mewakili *Total Score Visual* (TVS). Daripada kajian ini, keputusan menunjukkan bahawa 68 peratus daripada sampel mendapat gejala pada kulit seperti kemerahan dan gatal. Keputusan lain menunjukkan bahawa 91.3 peratus mempunyai masalah pernafasan yang datang dari Borang Kaji Selidik Pernafasan St George (SGRQ). Selain itu, terdapat hubungan yang signifikan di antara pendedahan mengikut tempoh masa dengan kesan pernafasan. Walau bagaimanapun, tidak ada hubungan yang signifikan antara pendedahan dengan menyembur (TVS) dan pengendalian (DERM) dengan kesan pernafasan tetapi ada mempunyai hubungan yang signifikan di antara pendedahan mengikut tempoh masa dengan kesan pernafasan. Kesimpulannya, simptom pendedahan racun perosak pada kulit membuktikan bahawa kebanyakan pesawah terkena kesan berbahaya daripada racun perosak. Selain itu, pendedahan berlebihan semasa pengendalian, penyemburan dan penyimpanan dalam jangka panjang akan menjejaskan sistem pernafasan manusia.

**Keywords:** Pendedahan racun perosak; pendedahan simptom; kulit; penilaian pendedahan; kesan pernafasan.

© 2018 MAEH Research Centre.  
All rights reserved

## PENGENALAN

Penggunaan racun serangga di kalangan petani atau pesawah memang tidak boleh dinafikan lagi sebagai satu alternatif atau kaedah bagi membasmi mahluk perosak yang boleh menyebabkan penghasilan tanaman menjadi tidak elok dan kurang berkualiti. Mengikut P.L. Pingali and Pierre A. Roger., (1995) racun serangga atau *pesticides* telah menjadi kepentingan dan semakin berkembang dalam

penggunaan terhadap padi. Di Malaysia, racun serangga disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta Racun Makhhluk Perosak 1974 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pertanian.

Racun serangga mempunyai beberapa klasifikasi seperti *herbicides, insecticides, fungicides, bactericides* dan *rodenticides*. Ianya sering digunakan dalam bidang pekerjaan yang melibatkan penggunaannya serta kegunaan sendiri untuk menghalang dan mengawal pembiakan serangga. Lebih kurang 69 jenis racun yang

digunakan semasa peringkat umur padi berusia 1 hari sehingga 120 hari bagi mengelakkan serangan serangga perosak. Pendedahan racun serangga ini boleh terjadi kepada manusia apabila ianya terdedah ketika terdapat pembuatan racun serangga. Selain itu, ianya boleh terdedah kepada orang yang membuat penghantaran racun serangga itu kerana berkemungkinan besar orang itu akan mengendalikan racun serangga itu seperti mengangkat racun serangga itu ke dalam lori dan sebagainya. Pendedahan juga boleh terjadi ketika penyediaan racun serangga oleh seseorang individu dan ketika penggunaan racun serangga itu sendiri.

Kebanyakan penanaman padi di daerah Seberang Perai Tengah menggunakan air daripada Empangan Pedu dan Sungai Kulim untuk aktiviti pengairan petak sawah. Padi mempunyai tempoh masa daripada 1 hari sehingga 120 hari sehingga ianya boleh dituai. Dalam masa untuk mencapai tempoh matang, pelbagai jenis racun akan digunakan dalam memastikan padi tidak diganggu oleh serangga kecil yang boleh mengakibatkan terjejasnya hasilan padi. Pelbagai jenis racun yang digunakan daripada peringkat permulaan hari lagi. Racun serangga kerap digunakan ketika padi berumur 30 hari hingga 80 hari.

Hampir seluruh kawasan yang mempunyai kawasan sawah padi menggunakan racun serangga. Hal ini demikian kerana penggunaan kawalan biologi untuk memastikan bahawa kualiti padi semakin kurang mendapat perhatian disebabkan terlalu banyak serangga yang boleh mengakibatkan kerosakan pada padi. Penggunaan racun serangga telah digunakan secara meluas bagi memastikan hasil tanaman yang diperoleh dalam keadaan baik. Mengikut Rozita Hod et al., (2011), beliau mengatakan bahawa racun serangga organofosfat jenis *Chlorpyrifos* banyak digunakan oleh pesawah di Sabak Bernam kerana ia mudah didapati dan harganya yang mampu dibeli. Dengan faktor akses yang mudah dan murah, ini memberikan galakan secara tidak langsung kepada para petani dalam mengawal serangan makhluk perosok. Dalam penggunaan racun ini, aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan petani mungkin terjejas akibat pendedahan yang tinggi.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan seseorang yang terdedah kepada racun serangga. Faktor yang sering memberikan masalah kepada kesihatan ialah tempoh pendedahan seseorang itu dengan racun serangga berkenaan. Selain itu, faktor cara pengendalian racun serangga berkenaan oleh pesawah semasa dalam pembancuhan, penyemburan, pembersihan dan penyimpanan racun serangga berkenaan. Faktor yang seterusnya ialah penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE) yang menjadi perlindungan penting kepada pengendali tetapi tidak dipakai sepenuhnya.

Selain itu, masalah racun serangga ini boleh memberi kesan kepada sistem pernafasan pengguna racun serangga. Menurut Morshed et al., (2010) racun serangga seperti paraquat mampu memberi kesan kepada paru-paru seperti *lung fibrosis*. Selain itu, menurut R. J. Peiris John et al., (2005) kematian disebabkan keracunan organofosfat sudah menjadi kebiasaan disebabkan kegagalan paru-paru berfungsi. Dalam pendedahan racun serangga yang boleh menyebabkan keracunan yang tinggi, ianya telah membuat keupayaan paru-paru menjadi terhad dan seterusnya menyebabkan paru-paru menjadi tidak berfungsi. Menurut R. J. Peiris John et al., (2005) juga, kesan kesihatan kepada sistem pernafasan sekiranya terdedah kepada racun organofosfat yang berlebihan boleh menyebabkan penyempitan kepada *bronchos pulmonary oedema* dan *respiratory muscle paralysis*.

Pendedahan racun serangga yang terlalu lama juga memberikan kesan kepada sistem saraf manusia seterusnya membawa kepada penyakit saraf seperti Parkinson kerana melalui kajian lepas, terdapat usul yang menyatakan bahawa penyakit Parkinson berkaitan dengan pendedahan racun serangga. Menurut Kamel F et al., (2004), terdapat beberapa bukti yang menyatakan bahawa penyakit Parkinson mempunyai perkaitan dengan pendedahan racun serangga walaupun tiada bukti sokongan yang kasual serta nyata. Menurut Prabhu L.

Pingali dan Pierre A. Roger., (1995), penggunaan racun serangga mempunyai pelbagai kesan yang kronik antaranya memberi kesan kepada kulit, mata, pernafasan dan juga masalah *neurologic*. Ini merupakan kesan yang besar akibat pendedahan jangka masa panjang racun serangga.

Kesan pendedahan racun serangga boleh menyebabkan sistem keupayaan paru-paru berkurang. Hal ini demikian kerana saiz racun serangga adalah dalam bentuk yang halus. Menurut Clara Coscolla et al., (2013), kebanyakan saiz atau partikel racun serangga ketika semburan dilakukan dalam 0.1  $\mu\text{m}$  hingga 1.0  $\mu\text{m}$ . Oleh sebab itu ianya mudah memasuki ke dalam badan manusia melalui saluran pernafasan. Menurut Goel A et al., (2007), sebanyak 300,000 kematian dicatatkan dalam masa setahun akibat daripada keracunan racun serangga yang akut dan ianya disebabkan oleh *organophosphates*, *organochlorines* dan *aluminium phosphate*. Selain itu, Sanborn et al., (2002), menyatakan bahawa pendedahan racun serangga boleh menyebabkan seseorang itu menghidap penyakit asma, *chronic obstructive pulmonary disease* dan berkemungkinan kanser. Satu kajian rentas mengenai racun serangga dengan pekerja yang memproses racun telah menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang signifikan pada Forced Vital Capacity (FVC), Force Expiratory Vital (FEV)<sub>1</sub> dan Forced Expired Flow (FEF)<sub>25%-75%</sub> berbanding dengan kumpulan perbandingan. (Zuskin, E et al., 2008).

Selain daripada asma, COPD dan kanser paru-paru, terdapat juga beberapa penyakit berkenaan dengan sistem pernafasan. Antaranya, Beseler.C.L et al., (2009) telah mendapati bahawa terdapat perkaitan yang signifikan dengan jumlah permasalahan tentang masalah sistem pernafasan termasuklah batuk, alergi, *wheeze* dan *organic dust toxic syndrome* (ODTS) sekiranya terdedah kepada racun serangga. Dengan kewujudan risiko yang serious kepada petani akibat penggunaan racun makhluk perosak, kajian pendedahan santifik dijalankan bagi mengetahui pendedahan yang terlibat. Kajian ini mengkaji pendedahan secara terus melalui pendedahan kulit dan kesan kepada sistem respiratori dan simptom masalah kulit.

## METODOLOGI

### Lokasi dan Kawasan Kajian

Kajian ini telah dijalankan di kawasan sawah padi di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang kerana masih lagi mempunyai kawasan sawah padi dan maklumat ini disahkan dari Jabatan Pertanian Seberang Perai Tengah. Beberapa buah kampung yang mengusahakan penanaman padi telah dipilih untuk melakukan kajian seperti Kampung Tanah Liat, Kampung Permatang Nibong, Kampung Tok Elong dan Kampung Kubang Semang. Kampung-kampung ini telah dipilih kerana ianya mudah untuk diakses dan mempunyai petani yang aktif dalam penanaman padi.

### Rekabentuk dan Pelaksanaan Kajian

Kajian rentas (*cross-sectional study*) ini dijalankan dengan membuat perbandingan dalam kalangan pesawah sendiri bagi mengetahui pendedahan racun serangga dengan kesan pada kulit dan keupayaan paru-paru serta simptom kesan kulit terhadap pesawah. Kajian ini akan berfokuskan kepada pendedahan racun pada pakaian yang dianggap akan memasuki sistem badan manusia lalu diambil untuk menguji pendedahan. Semua pakaian telah diambil untuk diuji melalui *UV Light* dan ianya akan dinilai melalui perkiraan mengikut *process dermal exposure ranking method* (DERM). Kesan kesihatan dilakukan kepada kumpulan sampel melalui ujian pernafasan dengan menggunakan *peak flow meter* dan borang kaji selidik untuk melihat sama ada pesawah mempunyai penyakit kulit atau tidak. Persampelan terhadap para petani dan pesawah adalah dijalankan secara bertujuan sehingga mencukupi bilangan sampel saiz yang dikehendaki. Persampelan ini dijalankan atas sebab elemen praktikal dalam membuat persampelan pada pesawah yang bertugas.

## Populasi dan Kerangka Sampel

The Penyelidik telah memilih Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang sebagai tempat untuk menjalankan kajian dan populasi bagi kajian ini ialah penduduk di beberapa buah kampung di dalam daerah Seberang Perai Tengah yang mengusahakan sawah padi di daerah ini. Mereka telah dipilih bagi mendapatkan data berkenaan dengan kajian ini. Sampel yang diambil telah diberikan satu borang kaji selidik untuk mengetahui sosiodemografi, faktor kesihatan dan dan soalan-soalan yang berkenaan dengan pengendalian dan pemakaian peralatan perlindungan diri pesawah.

Kerangka persampelan yang digunakan dalam membuat persampelan bertujuan ialah menggunakan senarai nama pesawah yang berdaftar yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah. Penggunaan nombor diberikan pada senarai nama untuk memilih siapa yang akan menjadi sampel.

## Kaedah Persampelan

Kaedah persampelan bertujuan telah dijalankan dengan mengambil responden mengikut syarat yang ditentukan oleh penyelidik seperti mana-mana orang yang masih lagi mengusahakan sawah atau bendang, berumur dalam lingkungan 18 hingga 70 tahun, menggunakan racun serangga tidak kira jenis racun yang digunakan dalam tempoh 6 bulan yang lepas, tidak mempunyai masalah kesihatan yang kronik dan bersetuju dalam menjalankan kajian.

## Saiz Sampel

Saiz sampel yang dipilih telah dikira berdasarkan rumus yang diperolehi dari sumber yang dirujuk seperti Lemeshow et al., (1990).

$$n = z^2_{1-\alpha/2} P(1-P) / d^2$$

$n$  = saiz sampel

$\alpha$  = nilai alfa

$Z^2$  = nilai Z yang boleh didapati dari jadual Z-test

$P$  = kadar populasi

$d^2$  = jarak perbezaan daripada kadar populasi

Melalui kajian yang lepas, pengkaji telah menentukan aras signifikan,  $\alpha$  iaitu 0.05 Nilai P telah ditentukan oleh penyelidik terdahulu dan berdasarkan kajian lepas, Rozita hod et al., (2011) telah menyatakan 75% pesawah daripada keseluruhannya berisiko mendapat salah satu simptom apabila terdedah kepada pendedahan racun serangga. Oleh itu, pengkaji di sini menetapkan  $P = 0.75$  dan nilai  $d^2$  telah ditetapkan iaitu 0.01

$$n = z^2_{1-\alpha/2} P(1-P) / d^2$$

$$\begin{aligned} \text{di mana} &= 1.96^2 (0.75)(0.25) / 0.01 \\ &= 72.03 \\ &= 72 \text{ orang} \end{aligned}$$

Saiz sampel yang telah dipilih adalah seramai 72 orang. Tambahan 10% pesawah lagi telah dipilih untuk responden simpanan. Seramai 7 orang responden tambahan telah ditambah ke dalam saiz sampel. Jadi jumlah keseluruhan bagi saiz sampel yang sudah diambil ialah seramai 79 orang. Walaubagaimanapun, pengkaji telah mengambil seramai 80 orang untuk disampel.

## Peralatan dan Kaedah Pengukuran pendedahan Persekitaran

### Cahaya Ultra Ungu "UV Light"

Dalam penyiasatan pendedahan racun kepada kulit beberapa peralatan saintifik telah digunakan dalam kajian ini. Antaranya adalah penggunaan UV light telah digunakan bagi melihat pendedahan racun serangga pada pakaian yang dipakai dan peralatan perlindungan diri

pesawah. UV light yang digunakan adalah jenis boleh mudah alih dan menggunakan bateri. Penggunaan UV light juga boleh mengukur jumlah pendedahan racun serangga yang melekat pada pakaian serta penutup mulut dan hidung. Pengukuran yang dibuat adalah di dalam bilik yang gelap. Selepas aktiviti semburan, pakaian dan penutup mulut dan hidung yang digunakan oleh penyembur dibentangkan dan UV light akan mengesan pakaian dan penutup mulut dan hidung berkenaan. Skor telah diberikan berdasarkan rujukan daripada A. Aragon et al., (2005). Skor UV light yang terlibat dapat diterjemahkan melalui skor berikut:

- I. Skor (1): kepadatan atau kepekatan rendah. Racun serangga akan samar-samar kelihatan di bawah cahaya UV.
- II. Skor (3): kepadatan atau kepekatan sederhana. Racun serangga akan kelihatan jelas tetapi dalam jumlah yang sedikit di bawah cahaya UV.
- III. Skor (5): Kepadatan atau kepekatan tinggi. Racun serangga akan kelihatan jelas dan terang di bawah cahaya UV

## Pengiraan Body Segment Score, Total Visual Score dan borang penilaian

Pengiraan BSS dilakukan berdasarkan carta Lund and Bowder (1944). Cara pengiraan  $BSS = \text{Body segment percentage}$  darab  $Skor UV$ . Selepas pengiraan BSS, pengiraan bagi  $total\ visual\ score$  (TVS) telah dibuat. Cara pengiraan TVS adalah seperti berikut:  $TVS = \sum BSS$ . Total Visual Score adalah indikator pendedahan kulit oleh pekerja terhadap racun makhluk perosak.

Borang penilaian racun telah digunakan berdasarkan borang penilaian yang dibuat oleh penyelidik terdahulu iaitu L.E. Blanco et al., (2008). Dalam borang penilaian tersebut mempunyai bahagian penggunaan racun serangga, peratusan pendedahan racun serangga pada anggota badan, dan pakaian yang digunakan semasa pengendalian racun serangga. Dalam bahagian *transport* atau pengendalian, terdapat 3 cara iaitu *transfer*, *deposition* dan *emission*. Skor yang diberikan ialah:

- I. *Transfer* : 1 – Daripada pakaian atau terpegang mana-mana bahagian yang sudah tercemar dengan racun serangga.  
3 – pegang dengan kerap pada tumpahan atau percikan Racun serangga
- II. *Deposition* : 4 – Berjalan di dalam kabus semasa proses menyembur atau menyembur Secara lawan angin.
- III. *Emission* : 5 – menggunakan tangan kosong ketika bancuhan, membetulkan nozzle.

Untuk bahagian peratusan pendedahan racun serangga pada badan, skor akan diberikan daripada 1 hingga 5 berdasarkan peratusan pendedahan pada anggota badan di mana terdapat panduan untuk mengukur peratusan pendedahan racun pada badan. Panduan yang digunakan berdasarkan carta Lund and Bowder (1944). Selepas itu, setelah pengiraan dibuat berdasarkan bahagian penggunaan racun, peratusan pendedahan pada badan dan perlindungan pakaian, pengiraan telah dikira untuk melihat sama ada berlaku pendedahan yang tinggi atau rendah. Hasil darab bagi faktor pendedahan racun pada badan dengan faktor pemakaian, jumlah yang terhasil ialah nilai risiko pendedahan yang terdapat pada pesawah.

### Penilaian Sistem Respiratori

Borang soal selidik yang digunakan ialah *St. George's Respiratory Questionnaire* dalam versi bahasa melayu. Permohonan kebenaran untuk menggunakan borang kaji selidik ini telah pun dihantar dan telah mendapat maklumbalas pada tarikh 15/02/2016. Borang kaji selidik ini telah dibuat untuk mengukur kesan kesihatan pada pesakit yang menghidap asma dan COPD.

### Keupayaan paru-paru

Peak Flow Meter digunakan bagi mengukur keupayaan paru-paru dalam kalangan pesawah dan unit bacaan bagi Peak Flow Meter ialah

liter per minute (L/Min). Peminjaman peak flow meter dipinjam di Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah. Peak flow meter mempunyai 3 tahap dan tahap ini ditentukan dengan warna iaitu hijau, kuning dan merah.

**Kaedah Pengumpulan data**

Peak Data kajian ini terbahagi kepada 2 komponen utama iaitu data pendedahan persekitaran yang diambil dari penilaian pendedahan kepada kulit responden menggunakan kaedah matematik dan penialain borang selidik. Elemen kedua adalah penilaian kesihatan iaitu dalam kajian ini meliputi tiga aspek utama iaitu simptom respiratori, simptom kulit dan bacaan keupayaan paru-paru.

Untuk memperoleh maklumat sosiodemografi, satu borang kaji selidik telah diguna pakai dalam pengumpulan data. Borang ini telah digunakan oleh penyelidik terdahulu dan akan diubah sedikit bagi mengikut kesesuaian kajian. Antara yang ditanya dalam borang kaji selidik ini ialah maklumat sosiodemografi, tempoh penggunaan racun serangga, jenis racun serangga digunakan, dan simptom-simptom penyakit setelah menggunakan racun serangga. Untuk pengukuran penilaian kesihatan, kumpulan sampel telah diminta berdiri semasa menjalankan ujian pernafasan dan menghembus dengan kuat pada alat peak flow meter.

Untuk pengukuran penilaian persekitaran, data telah diperoleh melalui dua cara iaitu menggunakan pengiraan sistematik berpandukan kajian terdahulu iaitu Luis E. Blanco et al., (2008), beliau menggunakan pendedahan kuantitatif untuk mengira atau menganggar pendedahan racun serangga yang terdedah kepada sampel. Kedua adalah menggunakan nilai yang dikira dengan menggunakan kaedah Aragon et al., (2005) pada kawasan terdedah racun seperti penutup hidung dan mulut serta peralatan perlindungan diri yang lain diambil untuk dijadikan sampel bagi pengumpulan data dan dilihat di bawah alat UV light bagi menentukan skor kepada sampel. Skor – skor dari pendedahan kauntitatif Luis E. Blanco et al., 2008 dan skor TVS dan UV light dari kaedah Aragon et al., (2005) digunakan sebagai indikator dalam penilaian risiko Dermal Exposure Ranking Method (DERM).

**Kaedah Analisa Data**

Antara jenis ujian yang dilakukan ialah ujian normaliti data, ujian ini dijalankan bagi mengetahui samaada data yang diperoleh bagi setiap pembolehubah adalah normal ataupun tidak. Data atau maklumat yang diperolehi akan dianalisa dengan menggunakan IBM SPSS Statistics Version 21. Bagi kajian yang dilakukan ini, nilai alfa 0.05 telah dipilih.

Ujian statistik parametrik dan bukan parametrik telah digunakan dimana anggapan mengenai taburan data skor TVS, skor respiratori adalah pada julat yang normal dan sebaliknya. Ujian Independent Sample T-Test telah dilakukan bagi mengetahui perbezaan nilai min pembolehubah bagi data yang bertaburan secara normal dan ujian Mann Whitney Z test telah digunakan bagi data yang tidak bertaburan normal. Ujian korelasi Pearson juga digunakan dalam mengetahui perhubungan antara pendedahan bahan pencemar (indikator dari skor TVS dan DERM) dengan kesan kesihatan (Skor Simptom Respiratori) dan ujian keupayaan paru-paru.

**Kawalan Kualiti**

Sebelum aktiviti pengumpulan data dijalankan, responden yang terlibat telah diberi pendedahan dan demonstrasi bagi memastikan mereka mempunyai pengetahuan mengenai aktiviti yang akan dijalankan. Persampelan pendedahan kulit dilakukan dengan bantuan alat perakam video dan kamera. Ini bagi membantu penyelidik membuat semakan semula terhadap skor yang diberikan dalam analisa dibawah pengaruh cahaya UV.

Protokol persampelan menggunakan alat peak flow adalah seperti merujuk kepada kaedah saintifik. Antara standard yang dipatuhi dalam ujian peak flow adalah individu yang terpilih dinasihatkan supaya tidak

merokok sekurang-kurangnya satu jam sebelum ujian dilakukan. Individu diminta untuk tidak makan makanan yang berat seperti nasi dua jam sebelum pemeriksaan dan tidak memakai pakaian yang terlalu ketat di mana ianya akan mempengaruhi kadar pernafasan seseorang. Sekiranya terdapat individu yang memakai gigi palsu dinasihatkan supaya diletakkan di tepi dahulu atau tidak perlu dipakai kecuali ianya sudah dilekatkan dengan baik menggunakan pelekat pada gigi.

**KEPUTUSAN**

**Hasil Penyelidikan**

Jadual 1 menunjukkan data demografi bagi kumpulan kajian di mana semua responden seramai 80 orang berbangsa melayu, lelaki dan sudah berkahwin. Purata bagi umur responden ialah 47 tahun dan purata bagi tempoh bekerja bagi responden ialah 18 tahun. Terdapat seorang responden yang tidak bersekolah, reponden yang bersekolah rendah pula seramai 18 orang dan 61 orang yang selebihnya sekolah menengah dan ke atas. Bagi aktiviti merokok pula, seramai 47 orang responden yng menghisap rokok dan 33 lagi tidak menghisap rokok.

Jadual 1. Data demografik bagi keseluruhan responden (n=80)

PU	Min (S.P)	n (%)
Umur	47(9.30)	100(100)
	20 hingga 30 tahun	4(5)
	31 hingga 40 tahun	13(16.3)
	41 hingga 50 tahun	34(42.5)
	51 hingga 60 tahun	23(28.8)
	Lebih daripada 60 tahun	6(7.5)
Jantina		
	Lelaki	80(100)
	Perempuan	0(0)
Bangsa		
	Melayu	80 (100)
	Lain-lain	0(0)
Pendidikan		
	Tidak bersekolah	1(1.3)
	Sekolah rendah	18(22.5)
	Sekolah menengah dan ke atas	61(76.3)
Status		
	Bujang	0(0)
	Berkahwin	80 (100)
Tempoh Bertugas	18.8(6.74)	
	Kurang daripada 15 tahun	25(31.3)
	Lebih daripada 15 tahun	55(68.8)
Merokok		
	Ya	47(58.8)
	Tidak	33(41.3)

Nota: PU = Pembolehubah

Jadual 2 menunjukkan kekerapan bagi reponden yang mengalami simptom-simptom yang diperoleh selepas pengendalian racun. Kebanyakan responden mengalami salah simptom yang disoal. Simptom yang paling ketara selepas pengendalian racun ialah merah mata (81.3%), diikuti oleh kemerahan dan gatal pada kulit (68.8%), sukar untuk bernafas (53.8%) dan juga pening dan sakit kepala (23.8%).

Jadual 2. Taburan kekerapan berkenaan simptom bagi semua responden

Pembolehubah	(%)
n=80	
<b>Simptom</b>	
Merah mata	81.3
Kemerahan pada kulit	68.8
Gatal-gatal pada kulit	68.8
Sukar untuk bernafas	53.8
Pening	23.8
Sakit kepala	23.8
Kabur penglihatan	0
Cirit-birit	0
Kejang otot	0

Jadual 3 menunjukkan masalah pernafasan yang dikesan dalam kalangan pesawah dengan menggunakan borang soal selidik St George yang berkaitan dengan masalah pernafasan. Setelah dianalisis jumlah pemarkahan, terdapat 73 (91.3%) orang yang menunjukkan kurang atau tiada masalah dalam pernafasan dan 7 (8.8%) orang lagi menunjukkan terdapat masalah pernafasan.

Jadual 3. Taburan kekerapan masalah pernafasan dalam kalangan pesawah.

Pembolehubah	Kumpulan	n(%)
<b>Masalah pernafasan</b>	Kurang atau tiada masalah pernafasan	73(91.3)
	Ada masalah pernafasan	7(8.8)

Berdasarkan jadual 4 ujian normaliti telah dibuat pada pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar. Bagi pembolehubah tidak bersandar iaitu Total Visual Score (TVS) dan juga Derm Risk Method (DERM), TVS menunjukkan taburan yang tidak normal berbeza dengan index DERM. Berdasarkan jadual 5 iaitu pembolehubah bersandar pula, nilai yang diperolehi bagi peak flow meter dan hasil putusan borang soal selidik berkaitan masalah pernafasan adalah normal. Oleh yang demikian, aplikasi penggunaan ujian t-test dan Mann Whitney akan digunakan dalam ujian perbezaan dan korelasi spearman akan digunakan bagi menuji perkaitan.

Jadual 4. Ujian normality bagi pembolehubah tidak bersandar.

PU	Min (S.P)	Skew	S.E	Kur	S.E
Total Visual Score (TVS)	48.75 (43.23)	1.49	0.27	1.27	0.53
Derm Risk Method (DERM)	26.32 (12.77)	0.86	0.27	0.56	0.53

Nota: PU = Pembolehubah; Skew = Skewness; Kur = Kurtosis; S.E = Standard Error

Jadual 5. Ujian normality bagi pembolehubah bersandar.

PU	Min (S.P)	Skew	S.E	Kur	S.E
Peak flow meter	54.08 (78.71)	0.009	0.269	-0.888	0.532
Total soal selidik	13.37 (13.99)	0.919	0.269	0.362	0.532

Nota: PU = Pembolehubah; Skew = Skewness; Kur = Kurtosis; S.E = Standard Error

Jadual 6 menunjukkan perbezaan penilaian persekitaran yang dikira dari index TVS dan DERM. Data kajian menunjukkan tiada perbezaan ditunjukkan antara golongan yang bermasalah kesihatan dan tidak bermasalah kesihatan.

Jadual 6. Perbezaan pendedahan racun serangga antara kumpulan pesawah yang mempunyai masalah pernafasan dengan tidak mempunyai masalah pernafasan.

PU	Masalah pernafasan		Mann-Whitney U	z	p
	Tidak/kurang masalah	Bermasalah			
	N= 73	N = 7			
	Median (IQR)	Median (IQR)			
<b>TVS</b>	33.00 (52.00)	18.60 (17.70)	157.00	-1.68	.09
<b>DERM</b>	23.40 (14.75)	33.00 (22.00)	192.50	-1.07	.28

Nota: PU = Pembolehubah

Jadual 7 menunjukkan perbezaan tempoh pendedahan dan bacaan peak flow meter antara kumpulan yang mempunyai masalah kesihatan dengan tidak mempunyai masalah pernafasan yang dinilai melalui borang SGRQ. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan bagi tempoh pendedahan dan bacaan peak flow meter antara pesawah yang mempunyai masalah ataupun tidak bagi sistem respiratori mereka.

Bagi penilaian impak dalam kesihatan respiratori, data mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara skor simptom, aktiviti dan impak yang disoal dalam borang SGRQ antara kumpulan yang mempunyai masalah kesihatan dan tidak mempunyai masalah pernafasan.

Jadual 7. Perbezaan tempoh pendedahan, bacaan peak flow dan simptom meter antara kumpulan pesawah yang mempunyai masalah pernafasan dengan tidak mempunyai masalah pernafasan.

PU	Masalah pernafasan		Mann-Whitney U	p
	Tidak/kurang masalah	Bermasalah		
	N= 73	N = 7		
	Median (IQR)	Median (IQR)		
Tempoh pendedahan	18.10 (6.51)	26.14 (4.49)	-3.19	p<0.05*
Peak flow meter	57.12 (73.18)	23.65 (41.48)	4.20	p<0.05*
Simptom	14.08 (10.80)	-	21.00	-4.14
Aktiviti	18.14 (12.75)	56.36 (0)	2.00	-4.33
Impak	15.35 (11.63)	46.16 (1.15)	14.00	-4.12

Nota: PU = Pembolehubah; \*Signifikan pada p<0.05

Jadual 8 menunjukkan perbandingan di antara kumpulan yang membuat semburan racun serangga dalam keadaan panas dan kering manakala satu lagi kumpulan membuat semburan racun serangga dalam keadaan panas dan berangin. Hasil ujian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada pendedahan racun serangga melalui

aktiviti menyembur pada waktu panas tidak berangin dan panas berangin kerana nilai  $p < 0.05$ .

Jadual 8. Perbezaan bacaan TVS antara keadaan persekitaran apabila semburan racun dilakukan.

PU	Masalah pernafasan		Mann-Whitney U	z
	Tidak/kurang masalah	Bermasalah		
	N= 73	N = 7		
	Median (IQR)	Median (IQR)		
TVS	59.80 (55.60)	25.50 (34.25)	382.00	-2.233*

Nota: PU = Pembolehubah; \*Signifikan pada  $p < 0.05$

Jadual 9 pula menunjukkan perbezaan kesan kesihatan bagi kumpulan yang bekerja selama kurang daripada 15 tahun dan juga lebih daripada 15 tahun. Ujian sampel t tidak bersandar dilakukan bagi peak flow meter kerana data adalah normal. Berdasarkan jadual, terdapat perbezaan yang signifikan antara mereka yang bekerja kurang dan lebih dari 15 tahun dimana, mereka yang telah bekerja melebihi 15 tahun menunjukkan penurunan kadar keupayaan paru-paru dibandingkan dengan yang kurang dari 15 tahun.

Jadual 10 menunjukkan ujian korelasi yang dibuat untuk mengenalpasti perkaitan antara pendedahan racun serangga dengan kesan kesihatan. Hasil ujian korelasi yang dibuat, tempoh pendedahan (tempoh bekerja) dengan bacaan peak flow meter dalam kalangan pesawah menunjukkan perkaitan korelasi yang kuat dan negatif,  $r(80) = -0.710$ ;  $p < 0.05$ . Selain itu data menunjukkan terdapat perkaitan positif yang lemah antara tempoh bekerja dengan masalah pernafasan dari borang SGRQ,  $r(80) = .31$ ,  $p < 0.05$ . Bagi pendedahan penilaian persekitaran menunjukkan tiada sebarang perhubungan antara index TVS atau DERM dengan pemboleh ubah bersandaar iaitu kesihatan respiratori.

Jadual 9. Perbezaan bacaan peak flow meter antara tempoh bekerja dalam kalangan pesawah.

PU	Masalah pernafasan		z	p-value
	Kurang daripada 15 tahun	Lebih daripada 15 tahun		
	N= 73	N = 7		
	Median (IQR)	Median (IQR)		
Peak flow meter	551.60 (52.89)	441.55 (62.97)	7.60	$p < 0.05$

Nota: PU = Pembolehubah; \*Signifikan pada  $p < 0.05$

Jadual 10. Perkaitan antara pendedahan racun serangga dengan kesan kesihatan.

PU	Tempoh bekerja		TVS		DERM	
	r	p	r	p	r	p
Bacaan peak flow meter	-0.71	$p < 0.05^*$	0.09	0.42	-0.01	0.96
Masalah pernafasan	0.31	$p < 0.05^*$	0.22	0.05	-0.08	0.49

Nota: PU = Pembolehubah; r = Pearson Correlation; \*Signifikan pada  $p < 0.05$

## PERBINCANGAN

### Perbandingan Kajian ini dan Kajian Lepas

Melalui analisis yang dibuat, keseluruhan responden yang dikaji adalah lelaki, berbangsa melayu dan semua responden sudah berkahwin. Hal ini demikian kerana kebanyakan pesawah di daerah Seberang Perai Tengah datangnya daripada komuniti melayu yang tinggal di kampung-kampung berdekatan dengan petak sawah. Hanya lelaki sahaja yang aktif dalam mengusahakan sawah kerana perusahaan sawah memerlukan kudrat dan tenaga yang banyak. Walau bagaimanapun, melalui kajian Rozita Hod et al., (2011), terdapat juga perempuan mengusahakan sawah di daerah Sabak Bernam. Selain itu, pelbagai peringkat umur telah menjadi responden dalam kajian ini. Mengikut statistik yang dianalisis, kebanyakan pesawah yang mengusahakan sawah berada di dalam lingkungan 41 hingga 50 tahun diikuti dengan lingkungan umur 51 hingga 60 tahun. Walau bagaimanapun, terdapat juga dalam kalangan umur yang muda berumur 20 hingga 30 tahun dalam usaha untuk menjadikan sawah sebagai sumber pendapatan.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan golongan yang berumur 21 tahun hingga 30 tahun ke atas mencari sumber pendapatan di dalam sektor kerajaan mahupun swasta yang bekerja di daerah Seberang Perai Tengah dan juga daerah-daerah yang lain. Hal ini demikian kerana di negeri Pulau Pinang terdapat banyak kawasan perindustrian yang menjadi pilihan untuk bekerja. Kebanyakan pesawah menjalankan pekerjaan mereka pada waktu awal pagi dan petang. Hal ini demikian kerana waktu awal pagi dan petang, suhu persekitaran di kawasan bendang agak sederhana dan kurang panas berbanding dengan suhu persekitaran pada pukul 10 pagi sehingga pukul 6 petang. Selain itu juga, mereka mempunyai pekerjaan sementara yang membolehkan mereka menampung kos sara hidup mereka.

Aktiviti penyemburan racun serangga juga dilakukan pada waktu pagi dan petang. Walau bagaimanapun, penyemburan hanya dilakukan sekiranya keadaan cuaca pada waktu itu baik. Menurut Ibrahim Tobi et al., (2011), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kepada penyemburan racun iaitu keadaan cuaca semasa aktiviti penyemburan, arah angin dan kekuatan angin pada masa itu, suhu persekitaran, kelembapan dan juga pengetahuan pengendali tentang teknik penyemburan racun.

### Simptom

Menurut Rozita Hod et al., (2011), pendedahan racun yang membolehkan seseorang mengalami simptom-simptom penyakit bergantung kepada bahan kimia sesuatu racun tersebut. Menurut Choudhary et al., (2014) di mana manusia yang terdedah dengan racun serangga melalui semburan di kawasan pertanian daripada 12 bulan hingga 18 bulan telah menunjukkan simptom kesihatan yang biasa seperti kabur penglihatan, kulit kemerah-merahan dan kesukaran untuk bernafas.

Dalam kajian yang dibuat, antara simptom-simptom yang menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu, merah pada mata (81.3%), gatal-gatal dan kemerahan pada kulit (68.8%) dan kesukaran untuk bernafas sebanyak (53.8%). Walau bagaimanapun, simptom-simptom seperti kabur penglihatan, cirit birit dan kejang otot tidak dialami oleh pesawah. Kajian ini mendapati bahawa simptom yang paling tinggi dialami oleh pesawah adalah merah mata. Hal ini demikian kerana melalui pemerhatian, kebanyakan daripada pesawah ketika pengendalian racun serangga tidak kira daripada aktiviti pembancuhan sehingga penyemburan, tiada pemakaian peralatan perlindungan diri pada bahagian mata. Ini boleh menyebabkan rangsangan kepada mata dan menyebabkan mata menjadi sensitif dan merah.

Untuk simptom kesukaran bernafas, peratusan yang diperoleh ialah 53.8%. Ini juga telah disoal di dalam borang soal selidik *St. George's Respiratory Questionnaire* dalam versi bahasa melayu berkaitan

simptom pernafasan. Hasil kajian mendapati terdapat simptom yang mengakibatkan masalah pernafasan disebabkan tempoh bekerja seorang pesawah berkenaan dan ianya berbeza bagi seseorang yang bekerja kurang 15 tahun dan lebih daripada 15 tahun.

### Perbezaan Pendedahan Racun

Ujian perbandingan telah dijalankan ke atas bacaan TVS dan DERM terhadap kumpulan yang mempunyai masalah pernafasan dengan yang tidak mempunyai masalah pernafasan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan. Hal ini demikian kerana TVS dan DERM merupakan ujian semi-kuantitatif yang dibuat pada masa yang sama keputusan diperolehi. Ianya memerlukan tempoh pendedahan yang lama bagi memastikan seseorang itu mengalami masalah respiratori. Hal ini demikian kerana Menurut Prabhu L. Pingali dan Pierre A. Roger., (1995), pendedahan racun serangga yang lama mampu mengakibatkan kesan yang besar kepada kulit, mata, pernafasan dan juga masalah *neurologic*. Melalui pemerhatian yang dibuat, faktor yang mempengaruhi seseorang memperoleh masalah pernafasan ialah keadaan masa bekerja, pendedahan racun serangga secara berlebihan dan tempoh masa bekerja dalam mengendalikan racun serangga.

Satu analisa berkenaan tentang bacaan total visual score (TVS) dengan keadaan semasa penyemburan dan hasilnya terdapat perbezaan yang signifikan antara bacaan TVS dengan keadaan semasa penyemburan. Bacaan TVS didapati daripada pengiraan yang dibuat ke atas pakaian yang dipakai oleh pengendali semasa proses meracun. Tinggi atau rendah pada bacaan TVS bergantung kepada beberapa faktor pendedahan antaranya keadaan semasa penyemburan dilakukan.

Selain itu juga, skor yang tinggi diperolehi daripada TVS mungkin disebabkan oleh beberapa faktor antaranya kepekatan racun yang digunakan semasa bancuhan, ciri-ciri fizikal dan kimia pada bahan kimia racun serangga dan juga masa pendedahan. Selain itu, menurut Anderson and Meade (2014), keadaan cuaca semasa aktiviti dilakukan, seperti suhu persekitaran dan kelembapan boleh memberi kesan kepada volatiliti bahan kimia berkenaan. Keadaan angin yang kuat mampu memberikan kesan pendedahan kepada pengendali. Tambahan pula, kelembapan yang rendah dan suhu yang tinggi boleh menyebabkan proses penyejatan yang cepat terhadap titisan yang keluar.

Sekiranya cuaca panas dan berangin, partikel racun yang disebarkan akan bertebaran di udara dengan mudah dan membolehkan partikel tersebut melekat di permukaan pakaian serta anggota badan yang terdedah. Aktiviti semburan yang dilakukan dalam keadaan cuaca panas dan kering boleh mengurangkan saiz partikel racun serangga yang disebarkan melalui proses penyejatan. Walau bagaimanapun, aktiviti racun ini boleh dikurangkan pendedahan dengan cara pemakaian peralatan perlindungan diri dan teknik semburan yang betul. Menurut Sharique Ali et al., (2014), pengendali yang menjalankan aktiviti penyemburan racun serangga di lapangan amat mudah terdedah dengan racun serangga disebabkan oleh cara kerja yang tidak selamat. Oleh sebab itu, pesawah perlu menjalankan aktiviti penyemburan dengan selamat supaya tidak berlaku masalah kesihatan yang lebih teruk.

Selain itu, analisis berkaitan tempoh masa bekerja atau pendedahan dengan masalah pernafasan dalam kalangan pesawah. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tempoh masa dengan masalah pernafasan. Ini juga boleh menjadi punca kepada pesawah mengalami masalah kesihatan. Menurut Fenske RA et al., (2005), kekerapan dan tempoh masa dalam mengendalikan racun serangga secara bermusim atau berterusan mampu memberi kesan kepada pengendali. Secara khususnya, pendedahan yang dialami oleh seseorang pesawah yang mengendalikan racun serangga sekali setahun agak kurang pendedahan dan mendatangkan kesan berbanding orang yang mengendalikan selalu.

Terdapat beberapa faktor yang memungkinkan tiada perbezaan terhadap masalah kesihatan. Antaranya, TVS dan DERM hanya boleh mengukur pendedahan pada masa kajian dibuat dan hanya anggaran pendedahan sahaja yang boleh dibuat. Setiap semburan yang dilakukan mengalami perbezaan pendedahan dan ianya mengikut keadaan cuaca dan persekitaran semasa semburan. Menurut L.E Blanco et al., (2008), DERM dan juga TVS merupakan salah satu kaedah yang digabungkan antara senarai semak dan kaedah memberikan markah, dengan kata lain senarai semak yang menjadi penentu dengan bantuan algoritma yang mudah. Model ini telah dibangunkan bagi memudahkan seseorang yang terhad dengan peralatan penilaian membuat penilaian pendedahan racun serangga.

### Kesan Kesihatan Pendedahan Racun

Ujian seterusnya dilakukan kepada kesan kesihatan yang diukur melalui pengujian pernafasan dengan menggunakan peak flow meter dan penilaian kesihatan terutamanya masalah pernafasan dengan menggunakan borang soal selidik *St. George's Respiratory Questionnaire* dalam versi bahasa melayu. Hasil ujian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara bacaan peak flow dengan masalah pernafasan. Ini boleh disimpulkan bahawa masalah pernafasan mempengaruhi bacaan peak flow meter. Seseorang yang mempunyai masalah pernafasan akan memberikan bacaan yang terendah disebabkan oleh terdapat penghalang pada salur pernafasan. Ini boleh ditunjukkan pada peak flow berkenaan di mana terdapat warna (hijau, kuning dan merah) sebagai aras penanda tahap normal pernafasan seseorang. Bacaan normal untuk peak flow meter juga dipengaruhi oleh tinggi, jantina dan juga berat. (B O Adeniyi and G E Erhabor., 2011). Walau bagaimanapun, hanya 7 (8.75%) orang sahaja yang terdedah dengan masalah kesihatan berbanding 73 orang lagi. Hal ini demikian kerana kebanyakan pesawah sekarang telah didedahkan dengan pengendalian racun serangga dari segi bancuhan atau semburan. Selain itu, pemakaian peralatan perlindungan diri juga telah diamalkan. Cuma terdapat segelintir pesawah yang tidak mengamalkan cara yang betul dan sihat.

Pendedahan racun serangga yang berlebihan boleh menyebabkan kesan kesihatan yang tidak baik kepada pengguna dan manusia boleh mendapat penyakit seperti iritasi pada kulit, mata menjadi merah, kesan kepada paru-paru dan sebagainya. Menurut Quandt et al., (2005) juga, kesan kesihatan kepada sistem pernafasan seperti penyempitan kepada *bronchos*, *pulmonary oedema* dan *respiratory muscle paralysis*. Selain itu, kesan jangka masa pendek pada sistem pernafasan manusia sekiranya terdedah pada tahap pendedahan yang rendah boleh memberi kesan seperti sakit dada, batuk, mempunyai bunyi ketika bernafas, hidung berair dan tekak menjadi perit.

Pendedahan terus pada kulit sekiranya terdedah boleh menyebabkan kerengsaan, *necrosis* dan juga hakisan. Pendedahan pada kulit juga boleh menyebabkan kulit menjadi sensitif, seterusnya menyebabkan kulit menjadi alergi atau alah dan menjadi dermatitis. Selain itu, terdapat juga kesan kepada kualiti air mani di mana Feroz Hossain et al., (2010) menyatakan melalui kajiannya terdapat perkaitan antara pendedahan racun serangga dengan kualiti air mani pengendali racun. Terdapat juga kajian menyatakan pendedahan racun serangga dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan pengendali memperoleh penyakit kanser paru-paru. Ini telah dilaporkan di dalam kajian Christos et al., (2011) pada pekerja kawalan makhluk perosak, di mana pendedahan racun serangga jenis organofosfat dan karbamid yang lama mempunyai perkaitan dengan peningkatan kadar kematian kanser paru-paru.

Walaupun kajian untuk mengenalpasti perkaitan pendedahan racun serangga dengan kanser paru-paru telah mengetepikan faktor umur dan merokok, namun terdapat lagi faktor risiko yang penting yang perlu diketepikan seperti pencemaran udara dalam dan luar rumah dan juga gaya hidup yang boleh menyebabkan seseorang mendapat penyakit kanser. Oleh itu, kajian lepas juga tidak mampu untuk menyediakan

bukti yang kukuh untuk mengaitkan pendedahan racun serangga dengan kanser paru-paru.

Hasil kajian mendapati terdapat perkaitan antara pendedahan racun serangga dengan kesan kesihatan. Walau bagaimanapun, cuma faktor tempoh pendedahan atau tempoh bekerja sahaja yang berkaitan dengan kesan kesihatan yang diukur dengan bacaan peak flow meter dan dinilai masalah kesihatan dengan borang kaji selidik SGRQ. Faktor seperti tempoh pendedahan yang lama dan pemakaian peralatan perlindungan diri yang tidak sempurna merupakan salah satu faktor terjadinya impak kepada kesan kesihatan yang negative seperti asma dan sebagainya. Ini telah dinyatakan di dalam kajian Ming Ye et al., (2013), di mana terdapat beberapa faktor pendedahan racun serangga ketika bekerja seperti kepadatan, kekerapan penggunaan, tempoh masa pendedahan dan penggunaan mengikut tabiat seorang pekerja seperti penggunaan peralatan perlindungan diri. Oleh sebab itu, dapatan kajian mendapati terdapat perkaitan antara tempoh pendedahan dengan kesan kesihatan.

Beberapa faktor boleh menjejaskan pendedahan semasa pengendalian racun perosak seperti kondisi atau bentuk racun perosak yang digunakan dan ianya boleh menjejaskan tahap pendedahan. Sebagai contoh, pesawah yang terdedah kepada cecair, percikan dan kadang-kadang tumpahan, ianya boleh terdedah kepada kulit secara langsung atau tidak langsung.

Sekiranya racun serangga itu dalam bentuk pepejal, ianya boleh menghasilkan debu ketika sedang digunakan atau dimasukkan ke dalam peralatan seperti mesin penyembur, ianya juga boleh mengakibatkan pendedahan kepada muka dan mata dan juga bahaya pernafasan. Pembungkusan produk racun perosak juga boleh memberikan potensi pendedahan. Sebagai contoh, pembukaan beg racun perosak boleh menyebabkan beberapa jenis pendedahan bergantung kepada jenis pembungkusan dalam kombinasi bahan aktif seperti tin, botol, atau bekas cecair lain boleh membuatkan orang terdedah dengan tumpahan dan percikan.

### Penilaian Persekitaran Kaedah TVS dan DERM

Untuk TVS dan DERM tiada perkaitan direkodkan bersama kesan kesihatan. Walau bagaimanapun, penggunaan TVS dan DERM boleh digunakan untuk pemantauan dan pengawasan pendedahan racun serangga. Hal ini demikian kerana penilaian yang terdapat pada borang DERM dapat memberikan maklumat tentang faktor yang menyebabkan skor tinggi atau rendah. Sekiranya tinggi, langkah pengawalan boleh dilakukan bagi memastikan kesan pendedahan kepada racun serangga kurang pada pengendali. Berkemungkinan terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan bacaan TVS dan DERM seseorang itu tinggi atau rendah.

DERM juga mungkin boleh digunakan untuk pembelajaran epidemiological sebagai pengukur pendedahan walaupun ini adalah bukan objektif utama penggunaan DERM. Sebagai contoh, anggaran pendedahan yang dinilai menggunakan DERM boleh digabungkan dengan tahun atau tempoh penggunaan racun serangga oleh pengendali untuk mengenalpasti atau membuat anggaran pendedahan yang terkumpul seterusnya membuat penilaian sama ada pengendali mempunyai penyakit kronik atau tidak (L.E.Blanco et al., 2008).

### KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pendedahan racun serangga boleh mengakibatkan kesan jangka masa pendek dan panjang. Ini boleh dilihat dalam kajian yang dibuat di mana faktor tempoh pendedahan yang lama boleh mengakibatkan masalah kepada sistem pernafasan. Untuk jangka masa yang pendek, kesan yang boleh diperoleh ialah merah mata, gatal dan kemerahan pada kulit, kesukaran untuk bernafas dan juga sakit kepala. Selain itu, pengukuran TVS dan DERM boleh dilakukan secara in situ dan digunakan sebagai alat untuk pengawasan pendedahan. Sekiranya bacaan bagi DERM dan TVS ini tinggi, ianya

boleh dibuat perkaitan untuk kesan jangka masa panjang di mana pendedahan racun serangga yang tinggi boleh menyebabkan penyakit kronik seperti COPD, asma dan dermatitis. Oleh itu, satu kawalan boleh dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab khususnya pihak jabatan pertanian dalam memastikan pesawah sentiasa menggunakan racun serangga dengan betul. Untuk kajian masa depan, pengukuran pendedahan yang tepat agak penting bagi mengenalpasti kesan kesihatan.

### PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di atas kebenaran untuk menerbitkan artikel ini. Penghargaan juga kepada Pengarah dan Ketua Program Kesihatan Persekitaran Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sungai Buloh. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Jabatan Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah terutamanya kepada Encik Firdaus selaku penolong pegawai pertanian untuk jabatan tersebut yang banyak memberikan kerjasama dalam memberikan maklumat berkaitan kepada saya semasa kajian dilakukan ke atas pesawah dan tidak lupa juga kepada Encik Abu Hassan selaku pengerusi Koperasi Permatang Nibong dalam membantu memberi maklumat berkaitan racun yang digunakan dan penduduk di daerah Seberang Perai Tengah terutamanya penduduk Kampung Permatang Nibong, Kampung Tanah Liat dan juga Kampung Kumbang Semang yang memberikan peluang dalam memberikan kerjasama.

### RUJUKAN

- Anderson and Meade. (2014). Potential Health Effects Associated with Dermal Exposure to Occupational Chemicals : *Environmental Health Insights* : 8(S1) 51-62.
- Aurora Aragon, Luis E Blanco, Aura Funez, Clemens Ruepert, Carola Liden, Gun Nise and Catharina Wesseling. (2005). Assessment of Dermal Pesticide Exposure with Flourescent Tracer: A modification of a Visual Scoring System for Developing Countries : *Ann Occupational hygiene*, Vol. 50, No 1, pp, 75-83.
- B. O. Adeniyi and G. E. Erhabor. (2011). The peak flow meter and its use in clinical practice : *African Journal of Respiratory Medicine*.
- Beseler, C. L., & Stallones, L. (2009). Pesticide poisoning and respiratory disorders in Colorado farm residents. *Journal of agricultural safety and health*, 15(4), 327.
- Choudhary, A. (2014). Adverse Health Effects of Organophosphate Pesticides among Occupationally Exposed Farm Sprayers: A Case Study of Bhopal Madhya Pradesh, India. *Asian Journal of Biomedical and Pharmaceutical Sciences*, 4(35), 30.
- Christos A. Damalas and Ilias G. Eleftherohorinos. (2011). Pesticide Exposure, Safety Issues, and Risk Assessment Indicators : *International Journal Environment Research Public Health*, 8, 1402-1419.
- Clara Coscolla, Amalina Munoz, Esther Borrás, Teresa Vera, Milagros Rodenas and Vicent Yusa. (2014). Paticle size distributions of currently used pesticides in ambient air of an agricultural Mediterranean area : *Atmospheric Environment* 95, 29-35.
- F. Kamel, C. M. Tanner, D. M. Umbach, J. A. Hoppin, M. C. R. Alavanja, A. Blair, K. Comyns, S. M. Goldman, M. Korelf, J. W. Langston, G. W. Ross and D. P. Sandler. (2006). Pesticide Exposure and Self-reported Parkinson's Disease in the Agricultural Health Study : *American Journal of Epidemiology*, 165 : 364-374..
- Feroz Hossain, Osman Ali, Urban J. A. D'Souza and Daw Khin Saw Naing. (2010). Effects of Pesticide Use on Semen Quality among Farmers in Rural Areas of Sabah, Malaysia : *Journal of Occupational Health*, 52, 353-360.
- Goel, A., & Aggarwal, P. (2007). Pesticide poisoning. *National medical journal of India*, 20(4), 182.
- Ibrahim Tobi, Ramazan Saglam, Ferhat Kup, Hasan Sahin, A. Musa Bozdogan, Bulent Piskin and Cevdet Saglam (2011). Determination of accuracy level of agricultural spraying application in Sanliurfa/ Turkey : *African Journal of Agricultural Research* Vol. 6(28), pp, 6064-6072.
- Luis E. Blanco, Aurora Aragon, Ingvar Lundberg, Catharina Wesseling and Gun Nise. (2008). The Determinants of Dermal Exposure Ranking Method (DERM): A Pesticide Exposure Assessment Approach for Developing Countries : *Ann Occupational Hygiene*, Vol 52, pp. 535-544.

- Lund CC, Browder NC. (1944) The estimation of areas of burns. *Surg Gynecol Obstet*; 79: 61–70.
- Md. Mahbub Morshed, Dzolkhifli Omar, ROsli Mohamad, Samsuri Wahed and M. A. Rahman. (2010). Airbourne Paraquat Measurement and its Exposure to Spray Operators in Treated Field Environment : *International Journal of Agricultural & Biology*, 10-086, 12-5-679-684.
- Ming YE, Jeremy Beach, Jonathan W. Martin and Ambikaipakan Senthilselvan. (2013). Occupational Pesticide Exposures and Respiratory Health : *International Journal Environment Research Public Health*, 10, 6442-6471.
- Pingali, P. L., & Roger, P. A. (Eds.). (2012). *Impact of pesticides on farmer health and the rice environment (Vol. 7)*. Springer Science & Business Media.
- Quandt, S.A.; Hernandez-Valero, M.A.; Grzywacz, J.G.; Hovey, J.D.; Gonzales, M.; Roshini Janet Peiris-John, Dawala Kusuma Ruberu, Ananda Rajitha Wickremasinghe, Wim van-der-Hoek. (2005). Low-level exposure to organophosphate pestides leads to restrictive lung dysfunction : *Respiratory Medicine* 99, 1319-1324
- Rozita Hod, Azimatun Noor Aizuddin, Shamsul Azhar Shah, Mohd Rohaizat Hassan, Nazarudin Safian and Mohd Hasni Jaafar. (2011). Chlorpyrifos Blood Level and Exposure Symptoms among Paddy Farmers in Sabak Bernam, Malaysia : *International Journal of Public Health Research* Vol 1, No 1, pp 1-6.
- Sanborn, M. D., Cole, D., Abelson, A., & Weir, E. (2002). Identifying and managing adverse environmental health effects: 4. Pesticides. *Canadian Medical Association Journal*, 166(11), 1431-1436.
- Zuskin, E., Mustajbegovic, J., Schachter, E. N., Kern, J., Deckovic-Vukres, V., Trosic, L., & Chiarelli, A. (2008). Respiratory function in pesticide workers. *Journal of Occupational and Environmental Medicine*, 50(11), 1299-1305.



## Kajian Rentas Pendedahan Partikel Terampai (PM<sub>10</sub>) Terhadap Fungsi Keupayaan Paru-Paru Dan Simptom Masalah Respiratori Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Mohd Afiq Fahim Zahari<sup>a</sup>, Syazwan Aizat Ismail<sup>a\*</sup> & Umathavan A/L Arumugam A<sup>a,b</sup>

<sup>a</sup> Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sungai Buloh, Jalan Hospital 47000 Sungai Buloh, Selangor

<sup>b</sup> Pusat Latihan Amali (PLA) Bukit Mertajam, Pulau Pinang

\*Corresponding author: [syazwan.ismail.upm@gmail.com](mailto:syazwan.ismail.upm@gmail.com)

### Abstrak

Kajian rentas telah dijalankan ke atas kanak-kanak yang bersekolah 1 km dari sebuah kuari di Bukit Mertajam. Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji hubungan PM<sub>10</sub> dengan fungsi paru-paru dan simptom masalah respiratori kanak-kanak tersebut. Seramai 36 kanak-kanak yang bersekolah berhampiran kuari dan terdedah dengan debu telah dipilih, manakala 57 orang kanak-kanak yang bersekolah berjauhan tetapi di daerah yang sama telah dipilih sebagai kumpulan perbandingan untuk kajian ini. Borang soal selidik St. George's dengan sedikit perubahan diberikan kepada responden. Pendedahan habuk diukur dengan menggunakan alat Personal Air Sampler manakala keupayaan paru-paru diukur dengan alat Peak Flow Meter. Data yang diperolehi akan dianalisa dengan menggunakan IBM SPSS Statistics Version 21. Ujian Independent Sample T-Test dilakukan bagi menentukan perbezaan bacaan bagi kumpulan terdedah dan perbandingan. Seterusnya ujian korelasi dilakukan bagi memperoleh perkaitan antara dua pemboleh ubah tersebut. Nilai min pendedahan habuk (mg/m<sup>3</sup>) yang diperolehi pada kanak-kanak sekolah yang terdedah ialah 36.2589 manakala kanak-kanak sekolah yang tidak terdedah ialah 22.5810. Nilai min keupayaan paru-paru (L/min) bagi kanak-kanak sekolah terdedah ialah 352.50 manakala kanak-kanak sekolah tidak terdedah pula ialah 383.68. Hasil kajian penyelidikan ini mendapati bahawa terdapat hubungkait antara pendedahan habuk partikel terampai (PM<sub>10</sub>) terhadap keupayaan paru-paru di antara kanak-kanak yang jarak sekolah berdekatan kawasan kuari dengan jarak lebih jauh dari kawasan kuari di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

**Keywords:** kualiti udara dalaman, habuk, kuari, pendedahan persekitaran

© 2018 MAEH Research Centre  
All rights reserved

### PENGENALAN

Kewujudan kuari ini merupakan suatu aktiviti yang baik untuk menjana ekonomi negara. Di samping membekalkan pelbagai jenis hasil batuan kepada syarikat dalam dan luar negara, penubuhan sesebuah kuari itu dapat membuka peluang pekerjaan kepada ramai masyarakat setempat. Walaubagaimanapun, kesan-kesan negatif akibat pembukaan kuari ini tidak boleh dinafikan lagi. Hal ini berikutan, terdapat pelbagai pihak yang telah menyatakan aduan berikutan pencemaran habuk kuari dan gegaran akibat letupan dinamik yang dijalankan.

Menurut Zailina *et al.* (2003), pencemaran udara di Malaysia telah diiktiraf sebagai salah satu daripada kebimbangan atau masalah utama yang mempunyai potensi tinggi untuk kesan yang menjejaskan kesihatan kepada penduduk. Sebagai langkah pengawalan bagi mengatasi masalah ini, pengukuran kualiti udara dan pemantauan habuk di kuari-kuari mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 haruslah dijalankan oleh pelombong bagi memastikan pencemaran

yang diwujudkan adalah terkawal. Selain itu, penguatkuasaan undang-undang dan kawalan operasi pengkuarian turut dijalankan oleh pihak berwajib, biasanya mengenai keselamatan dan penjagaan alam sekitar. Terdapat banyak kajian telah membuktikan bahawa akibat daripada pendedahan kepada pencemaran udara telah memberikan kesan-kesan kesihatan yang serius kepada golongan terdedah akan tetapi ianya berdasarkan selama mana tahap pendedahan pencemaran udara tersebut (Nordby *et al.*, 2011).

Pendedahan terhadap habuk kuari untuk jangka masa yang panjang mungkin akan meningkatkan risiko masalah pernafasan dan paru-paru (AN Nwibo *et al.*, 2012). Pendedahan pencemaran udara terhadap kanak-kanak adalah menjadi satu masalah yang serius kerana sistem imun dan fungsi paru-paru mereka yang belum matang dan ianya berbeza jika dibandingkan dengan orang dewasa (Schwartz, 1993). Justeru, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk membandingkan tahap pendedahan habuk dan juga fungsi paru-paru dalam kalangan kanak-kanak yang jarak sekolah berdekatan dengan kawasan kuari dan yang jarak sekolah lebih jauh dari tapak kuari. Sekaligus akan menentukan

samaada keupayaan paru-paru seseorang itu berhubungkait dengan tahap pendedahan habuk kuari itu ataupun tidak.

## METODOLOGI

### Kawasan Kajian

Kajian kesihatan ini dijalankan di sekitar kawasan Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Terdapat beberapa kuari yang beroperasi di Bukit Mertajam termasuklah sebuah kuari di Berapit, Bukit Mertajam. Dengan terdapatnya kawasan perumahan berdekatan dengan jaraknya kurang dari 500 meter dari tapak kuari, pelbagai pihak yang telah menyatakan aduan berikutan pencemaran habuk kuari dan gegaran akibat letupan dinamit yang dijalankan.

### Etika Kajian

Permohonan telah dibuat melalui Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Seberang Perai Tengah bersama Pegawai Unit Pengurusan Sekolah. Kajian ini juga telah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) negeri Pulau Pinang bagi tujuan pinjaman peralatan kajian. Kajian ini telah mendapat kebenaran dari Pejabat Kesihatan Daerah dan Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sungai Buloh. Kebenaran bertulis dari ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah diperolehi sebelum menjalankan kajian.

### Rekabentuk dan Kaedah Persampelan

Kajian rentas ini telah dijalankan dengan mengambil persampelan pendedahan bahan partikulat dan kesan kesihatan respiratori (menggunakan ujian keupayaan paru-paru) dan ujian simptom kesihatan respiratori. Sampel diambil dari 2 buah sekolah, iaitu sekolah A bedekatan dengan sumber pencemaran (kuari) dan sekolah B berjauhan dari sumber pencemaran.

Persampelan secara bertujuan digunakan dalam kajian ini bagi membolehkan sampel saiz yang dikehendaki diperolehi. Pengambilan sampel secara menyeruluh (universal) diadaptasi dari kelas yang telah dipilih secara bertujuan dijalankan bagi mewakili kadar pendedahan oleh pelajar pada kawasan yang dikehendaki (jauh atau dekat dari sumber pencemaran). Antara kriteria kelas dalam pemilihan pelajar dalam kajian ini ialah kedudukan kelas serta keluasan kelas. Kelas juga mestilah terbuka untuk kedua-dua sekolah yang membolehkan udara masuk melalui tingkap. Kriteria persampelan pelajar adalah merangkumi ketiadaan penyakit kronik pada sistem respiratori, tinggal atau menggunakan kelas lebih dari 85% dari masa persekolahan.

### Populasi dan Kerangka Persampelan

Populasi kajian adalah dalam kalangan kanak-kanak sekolah tahun 6 Sekolah A yang jaraknya kurang dari 1 kilometer dari kuari sebagai kumpulan sasaran dan kanak-kanak sekolah tahun 6 Sekolah B iaitu jaraknya lebih dari 3 kilometer dari kuari sebagai kumpulan perbandingan.

Kerangka persampelan diambil dari bilangan dan senarai nama pelajar diperolehi dari sekolah tersebut. Pengkaji memilih kesemua pelajar tahun enam mewakili populasi sekolah tersebut disebabkan pengetahuan untuk menjawab borang soal selidik yang digunakan oleh pengkaji.

### Saiz Sampel

Saiz sampel kajian dikira dengan menggunakan formula seperti di bawah :

$$n = \frac{(Z \cdot 1 - \alpha/2)^2 [P^1(1-P^1) + P^2(1-P^2)]}{d^2}$$

$n$  = saiz sampel

$\alpha$  = nilai alfa, aras signifikan

$Z^2$  = nilai Z yang boleh didapati daripada jadual Z-test

$P$  = kadar populasi terdedah

$d^2$  = jarak/beza daripada kadar populasi

Berdasarkan kajian (Shamsul et al., 2002) , peratusan perubahan pada fungsi paru-paru pelajar adalah sebanyak 75%, maka nilai  $p$  yang digunakan ialah  $p = 0.75$ . Tiada nilai  $d$  yang relevan berdasarkan pencarian yang dilakukan, maka nilai malar digunakan iaitu  $d = 0.1$ .

$$n = \frac{(1.96)^2 [0.75(1-0.75) + 0.75(1-0.75)]}{(0.1)^2}$$

$$n = 144 \text{ orang}$$

Oleh kerana jumlah murid tahun 6 di setiap sekolah tersebut kurang dari seratus (100) orang, maka pengkaji mengambil semua murid untuk mewakili semua populasi. Seramai 36 orang pelajar tahun 6 dari sekolah yang terdedah (Sekolah A) manakala 57 (Sekolah B) orang pelajar tahun 6 dari sekolah yang kurang terdedah. Jumlah saiz sampel adalah seramai 93 orang.

### Pengumpulan Data (Demografi, Kesihatan dan Pendedahan Persekitaran)

Borang kebenaran telah diedarkan seminggu sebelum kajian dijalankan. Pelajar yang bersetuju akan diberikan satu borang soal selidik khusus. Isi kandungan dalam borang soal selidik ialah mengandungi 3 bahagian. Bahagian A berkaitan data demografi responden, Bahagian B berkaitan status kesihatan dan Bahagian C berkaitan sejarah kesihatan responden.

Bagi pengumpulan data penilaian persekitaran “*environmental assessment*”, pengukuran tahap pendedahan habuk dijalankan terhadap responden. Alat yang digunakan untuk mengukur tahap pendedahan habuk ialah *Personal Air Sampling Pump*. Alat ini akan dipasang sepanjang tempoh pendedahan responden. Persampelan habuk atau partikel ini adalah menggunakan kaedah saintifik yang diadaptasi dari *NIOSH Manual Analytical Method (NMAM)* siri 0600 bagi persampelan partikel terampai.

Kesihatan respiratori diukur dengan mengambil kira keupayaan fungsi paru-paru responden pula menggunakan Peak Flow Meter. Bacaan pada peak flow meter akan menentukan samaada keupayaan paru-paru seseorang itu normal atau tidak.

### Persampelan Udara

*Personal Air Sampling Pump* jenis GilAir-5 digunakan untuk mengambil bacaan pendedahan habuk terhadap pelajar sekolah berkenaan. Unit bacaan ialah *milligram per cubic meter (mg/m<sup>3</sup>)*. Alat ini akan dipasang pada kawasan pernafasan “*breathing zone*” pelajar berkenaan selama tempoh sehari persekolahan. Selepas tamat tempoh tersebut, alat itu ditukarkan dengan penapis yang baru dan diukur sebanyak 3 kali bagi mendapatkan purata nilai bacaan. Pengukuran ini dirujuk berdasarkan kaedah NMAM0600 edisi keempat. Flowrate yang digunakan bagi pengukuran tahap pendedahan ialah 1.7 L/min dan digunakan bersama *cyclone* jenis PVC. Oleh kerana tempoh pembelajaran di sekolah kurang dari 8 jam, alat pengukuran dipasang pada pelajar selama sepanjang tempoh pembelajaran.

### Kaedah pengiraan keputusan

Penapis atau “*Filter*” sebelum persampelan dan selepas persampelan ditimbang bagi mengetahui kadar perbezaan habuk yang terperangkap. Penggunaan *cassette* jenis 37 mm diameter bersama *filter paper* 37 mm *PVC type* digunakan dalam persampelan ini. Penggunaan microbalancer dijalankan dalam mengetahui perbezaan berat partikel yang disampel sebelum dan selepas aktiviti persampelan individu kepada pelajar. Masa persampelan dan flowrate digunakan sebagai pengiraan isipadu sebelum digabungkan dengan nilai beza berat yang wujud pada *filter paper*. Kiraan ini akan memberikan dapatan dalam nilai  $mg/m^3$ .

*Persampelan keupayaan paru-paru*

Peak Flow Meter digunakan untuk mengambil bacaan keupayaan paru-paru pelajar yang terdedah dengan habuk kuari tersebut. Unit bacaan liter per minute (L/m). Setiap responden perlulah diri secara tegak ketika ujian ini dijalankan. Responden akan menarik nafas dalam-dalam sebelum dihembus pada alat berkenaan. Aktiviti ini akan dilakukan sebanyak 3 kali bagi mendapatkan 3 bacaan. Nilai paling tinggi diambil sebagai bacaan keupayaan paru-paru. Menurut kajian (Godfrey S, et al. 1970), kadar bacaan normal fungsi paru-paru kanak-kanak ditentukan dengan merujuk purata graf peak flow rate melawan ketinggian kanak-kanak tersebut.

*Borang soal selidik*

Borang soal selidik : *St. George's Respiratory Questionnaire* (dalam versi bahasa Melayu) dan borang soal selidik demografik digunakan untuk setiap responden bagi memperoleh maklumat tambahan. Segala maklumat pada borang berkenaan perlulah dilengkapkan oleh responden. Permohonan kebenaran untuk menggunakan borang soal selidik telah dihantar kepada Professor Paul Jones, PhD FRCP, Professor of Respiratory Medicine. Surat maklumbalas untuk menggunakan borang soal selidik telah diterima pada 12 January 2017. Antara perkara yang terdapat dalam borang soal selidik adalah: Bahagian A, Data demografi responden; 2. Bahagian B, Sejarah penyakit; dan Bahagian C, Status Kesihatan. Skor permarkahan borang soal selidik dikira menggunakan *SGRQ Calculator Ver.1* di dalam Microsoft Excel 2010 yang telah disediakan oleh pihak SGRQ. Nilai skor permarkahan ialah 1 hingga 100 yang mana jika nilai menghampiri 100 dianggap lebih berisiko untuk memperolehi simptom masalah respiratori manakala jika nilai menghampiri 1 dianggap kurang berisiko untuk memperolehi simptom masalah respiratori.

**Kaedah Analisa Data**

Antara jenis ujian yang dilakukan ialah ujian normaliti data, ujian ini dijalankan bagi mengetahui samaada data yang diperoleh bagi setiap pembolehubah adalah normal ataupun tidak. Data atau maklumat yang diperolehi akan dianalisa dengan menggunakan *IBM SPSS Statistics Version 21*. Bagi kajian yang dilakukan ini, nilai alfa 0.05 telah dipilih.

Ujian statistik parametrik telah digunakan dimana anggapan mengenai taburan data skor respiratori dan pendedahan partikel adalah pada julat yang normal. Oleh yang demikian ujian *Independent Sample T-Test* telah dilakukan bagi mengetahui perbezaan nilai min pembolehubah antara kedua-dua sekolah. Ujian korelasi Pearson juga digunakan dalam mengetahui perhubungan antara pendedahan bahan pencemar (partikulat terampai) dengan kesan kesihatan (Skor Simptom Respiratori) dan ujian keupayaan paru-paru.

**Kawalan Kualiti**

Sebelum aktiviti pengumpulan data dijalankan, responden yang terlibat telah diberi pendedahan dan demonstrasi bagi memastikan mereka mempunyai pengetahuan mengenai aktiviti yang akan dijalankan. Bagi memastikan kajian kesihatan ini tidak berat sebelah, alat *Personal Air Sampler* telah di kalibrasi dahulu setiap kali sebelum digunakan. Bacaan pada *Peak Flow Meter* juga perlu dipastikan berada pada snggat 0 L/min setiap kali sebelum digunakan. Tujuan ini adalah untuk memastikan bacaan yang diperoleh adalah tepat.

**KEPUTUSAN**

**Hasil Kajian**

Berdasarkan Jadual 1 bilangan sampel yang diambil bagi kajian ini ialah seramai 97 orang. Kesemua sampel yang diambil ialah pelajar Tahun 6 di Sekolah A dan B merangkumi masing-masing 36 dan 57 orang responden. Tiada perbezaan faktor demografik bagi jantina ditunjukkan pada keputusan kajian kecuali elemen bangsa dan berat responden. Faktor bangsa menunjukkan perbezaan kerana kesemua responden diambil dari jenis sekolah kebangsaan (Sekolah B) dan

sekolah cina (Sekolah A). Manakala berat badan pelajar di Sekolah B menunjukkan purata yang lebih berbanding Sekolah A.

Jadual 1. Data demografi pelajar Tahun 6 di Sekolah A dan Sekolah B, Bukit Mertajam mengikut jantina.

Variabel		Kumpulan	Kumpulan	$\chi^2$
		A	B	
		Frekuensi (%)		
Jantina	Lelaki	16 (44.4)	25 (43.9)	0.003
	Perempuan	20 (55.6)	32 (56.1)	
Bangsa	Melayu	N/A	36 (100.0)	93.000*
	Cina	57 (100.0)	N/A	
		Min (SP)		
Antropometri	Tinggi (m)	1.42 (0.09)	1.45 (0.08)	-1.679
	Berat (kg)	36.33 (7.39)	40.35 (6.97)	-2.645*

Nota: \*p < 0.05; SP = Sisihan Piawai; N = 97

Ujian normality dijalankan kepada data bagi menentukan jenis ujian hipotesis yang diuji. Berdasarkan Jadual 2, data pendedahan persekitaran, data kesan kesihatan (keupayaan paru-paru dan skor simptom) menunjukkan taburan data yang agak normal berdasarkan justifikasi skewness yang berada pada julat ±2.00. Berdasarkan justifikasi ini, ujian parametric telah dijalankan bagi menguji hipotesis kajian.

Jadual 2. Ujian Normality bagi pendedahan habuk, keupayaan paru-paru dan simptom masalah respiratori

Pembolehubah	N	Min (S.P)	Skewness
Pendedahan Habuk (mg/m <sup>3</sup> )	93	37.689 (7.13)	1.672
Keupayaan paru-paru (L/min)	93	115.704 (31.00)	-0.572
Simptom masalah respiratori	93	32.281 (14.00)	0.916

Nota: SP = Sisihan Piawai

Hipotesis pertama bagi kajian ini adalah menentukan perbezaan pendedahan habuk (PM<sub>10</sub>) yang terdedah kepada kumpulan-kumpulan pelajar sekolah. Dari ujian t-test didapati bahawa, terdapat perbezaan yang signifikan bagi pendedahan habuk yang dialami oleh kedua-dua sekolah pada nilai signifikan 0.05. Dapatan kajian juga mendapati bahawa kumpulan tidak terdedah atau jauh dari sumber pencemaran merekodkan bacaan purata habuk yang lebih rendah dari kumpulan terdedah. Selain dari itu terdapat juga perbezaan yang signifikan bagi kesan kesihatan yang diuji menggunakan ujian keupayaan paru-paru dan skor kesihatan respiratori. Jadual 3, menunjukkan bahawa, terdapat perbezaan yang signifikan antara Sekolah A dan B dalam aspek keupayaan paru-paru dimana Kumpulan A (352.50 L/min) mencatatkan purata bacaan yang lebih rendah berbanding dengan Kumpulan B (383.68 L/min). Walaupun begitu rekod skor symptom respiratori juga menunjukkan nilai Kumpulan A melebihi Kumpulan B.

Jadual 3. Ujian hipotesis perbandingan bagi pendedahan habuk dan keupayaan paru-paru antara kedua-dua buah sekolah

Variabel		Kumpulan A	Kumpulan B	t-test
		Min (SP)		
Pendedahan Habuk (mg/m <sup>3</sup> )		36.26 (0.44)	22.58 (0.31)	26.07*
Keupayaan Paru-paru (L/min)		352.50 (27.00)	383.68 (27.17)	-5.41*
Skor respiratori <sup>^</sup>		59.57 (11.05)	38.57 (9.76)	9.775*

Nota: \*p<0.05; SP = Sisihan Piawai; ^Skor diambil menggunakan St. George Respiratory Health Questionnaire

Hipotesis terakhir bagi kajian ini adalah menentukan perkaitan antara pendedahan partikel dengan kesan kesihatan pelajar sekolah pada Kumpulan A dan B. Berdasarkan Jadual 4, didapati terdapat perkaitan yang signifikan bagi pendedahan partikel dengan keupayaan paru-paru bagi gabungan kedua-dua kumpulan. Perkaitan ini adalah berkadar songsang dimana nilai kekuatan hubungan adalah sederhana. Walaupun begitu, apabila strata Kumpulan digunakan dalam analisa perkaitan dalam kumpulan A dan B masing – masing, mendapati tiada perkaitan yang signifikan direkodkan.

Jadual 4. Data korelasi bagi pendedahan habuk dan keupayaan paru-paru.

Pembolehubah	Terdedah n = 36		Tidak Terdedah n = 57		Nilai r
	r	p	r	p	
Keupayaan Paru-paru	-0.321	0.056	-0.127	0.345	-0.525**

Nota:\*\* p < 0.01 (2-tailed)

Ujian yang sama diulang bagi melihat perkaitan antara pendedahan partikel dengan kesan kesihatan menggunakan skor symptom respiratori. Jadual 5, menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara pendedahan partikel dengan skor symptom respiratori dimana perkaitan adalah berkadar songsang dan menunjukkan trend perkaitan yang kuat. Walaupun begitu apabila data dianalisa secara berasingan, tiada perkaitan antara pendedahan partikel dengan skor kesihatan respiratori dapat dibuktikan.

Jadual 5. Data korelasi bagi pendedahan habuk dan simptom masalah respiratori.

Pembolehubah	Terdedah n = 36		Tidak Terdedah n = 57		Nilai r
	Nilai r	Nilai p	Nilai r	Nilai p	
Symptom Masalah Respiratori	0.184	0.284	-0.028	0.838	-0.725**

Nota: \*\* p < 0.01 (2-tailed)

## PERBINCANGAN

### Perbandingan Kajian Ini dan Kajian Lepas

Pengkaji telah menjalankan kajian penyelidikan di Sekolah A dan B di kawasan Bukit Mertajam. Sepanjang kajian ini dijalankan, seramai 97 orang responden yang telah terlibat iaitu sebanyak 100% daripada populasi pelajar tahun 6 di sekolah berkenaan. Menurut (Hossein Kakooei et al., 2012), beliau telah menggunakan *St. George's Respiratory Questionnaire* dengan melakukan sedikit perubahan terhadap borang tersebut dalam kajian beliau.

Hasil kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi faktor demografik antara kedua-dua sekolah kecuali faktor-faktor bangsa dan berat. Faktor berat tidak dapat dielak kerana fokus kajian ini adalah melibatkan kedudukan sekolah yang berdekatan atau jauh dari sumber pencemaran. Selain itu faktor berat menunjukkan bahawa Sekolah B menunjukkan nilai yang lebih berbanding Sekolah A. Ini berkait rapat dengan faktor gaya hidup dan pemakanan pelajar Sekolah B (pelajar majoriti melayu) berbanding Sekolah A (majoriti cina). Faktor demografi ini akan mempengaruhi bacaan keupayaan paru-paru responden, ini diperjelaskan oleh Gregg, N. A., (2004).

Dalam pelaksanaan kajian ini, persampelan bagi pendedahan habuk hendaklah dilakukan dengan kaedah yang betul mengikut standard piawaian pengukuran partikel persekitaran. Persampelan

boleh dijalankan kepada individu mahupun sesuatu kawasan (*area or personal exposure monitoring*). Berdasarkan kenyataan (S.E. Urom et al., 2004), konsentrasi partikel terampai telah diukur di 4 kawasan diuji dan 4 kawasan yang terkawal selama 4 jam, menggunakan penyampel habuk gravimetrik. Menurut kajian (K. Pratt, 2015) pula, pam persampelan telah dikalibrasi 30 minit sebelum persampelan dijalankan. Pam dipasang pada tali pinggang responden dengan menggunakan klip, manakala siklon dan kaset diklipkan pada bahagian bahu. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan secara individu menggunakan peralatan *Personal Air Sampler*. Persampelan telah dilakukan terhadap pelajar yang terdedah dan tidak terdedah selama 30 ke 60 minit ketika waktu pembelajaran. Pam persampelan telah dikalibrasi terlebih dahulu sebelum ianya digunakan, kadar aliran udara telah ditetapkan kelajuannya iaitu 1.7 L/min. Dalam kajian yang dijalankan (K.D Linch, 2002), sampel habuk telah diperolehi dengan menggunakan pam persampelan yang mempunyai kadar aliran udara 1.7 L/min, menggunakan pemasangan siklon berukuran 10 mm dan penapis *polyvinyl chloride* (PVC) 37 mm.

Hasil persampelan pendedahan habuk, ternyata terdapat perbezaan signifikan terhadap pelajar sekolah yang terdedah dan tidak terdedah. Pelajar yang terdedah memperoleh bacaan pendedahan habuk yang lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak terdedah. Pengkaji telah memperoleh purata pendedahan habuk sebanyak 36.259 mg/m<sup>3</sup> pada pelajar yang terdedah dan 22.581 mg/m<sup>3</sup> pada pelajar yang tidak terdedah. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan di kawasan sekolah di Sungai Siput Perak, purata bagi pendedahan habuk terhadap pelajar di kawasan terdedah ialah 76.66 mg/m<sup>3</sup> manakala purata bagi kawasan tidak terdedah ialah 41.55 mg/m<sup>3</sup> (Zailina H. et al., 2003). Menurut kajian (Zainol AM. 1999) menunjukkan paras PM10 di dalam rumah perumahan Serdang melebihi 53.6 mg/m<sup>3</sup> dan sebanyak 64.7mg/m<sup>3</sup> pula didapati di dalam rumah berdekatan kilang simen.

Berdasarkan keputusan purata pendedahan habuk sebanyak 36.259 mg/m<sup>3</sup> pada pelajar yang terdedah dan 22.581 mg/m<sup>3</sup> pada pelajar yang tidak terdedah, pengkaji telah merumuskan bahawa terdapat perbezaan antara kedua-dua kawasan dan kawasan yang terdedah adalah lebih tinggi bacaannya berbanding kawasan terdedah. Nilai min pendedahan di kawasan terdedah adakah sangat tinggi jika dibandingkan dengan standard Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Ini kerana faktor utama yang pengkaji boleh bincangkan adalah disebabkan masa berapa lama tempoh pengukuran pendedahan habuk diambil. Kajian (Zailina H. et al., 2003), menggunakan Personal Air Sampling Pump sebagai instrumen untuk pengukuran pendedahan habuk dan tempoh masa pengambilan adalah selama 24jam sepanjang berada di rumah. Untuk kajian ini, pengkaji telah memperuntukkan tempoh masa untuk seorang responden adalah diambil selama 30 hingga minit. Tempoh sebenar yang perlu diambil adalah sepanjang tempoh pembelajaran pelajar di sekolah iaitu 7 jam sesi pembelajaran. Akan tetapi disebabkan kekangan masa kajian, pengkaji telah mengurangkan tempoh masa pengukuran pendedahan kepada 30 minit dan mengandaikan nilai pendedahan tersebut merangkumi pendedahan pelajar sepanjang 7 jam sesi pembelajaran. Walaupun begitu, dapatan kajian dilihat serupa dengan kajian – kajian terdahulu.

Selain itu, kedudukan dan keadaan kelas juga mempengaruhi bacaan nilai pendedahan habuk di kawasan terdedah dan kurang terdedah. Ini kerana kedudukan kelas di kedua-dua kawasan berada di tingkat 4 dan kawasan yang tinggi yang mana pengkaji mengandaikan nilai pendedahan habuk adalah lebih tinggi disebabkan kelajuan angin yang tinggi. Keadaan kelas dengan tingkap terbuka boleh menyebabkan udara bergerak secara langsung dan mempengaruhi bacaan pengukuran pendedahan habuk. Antara penyumbang kepada kepekatan PM10 di kawasan terdedah adalah berkemungkinan dari 2 sumber iaitu kuari dan kedudukan sekolah yang menghampiri jalanraya. Kajian (Zainol AM. 1999) membuktikan bahawa kedudukan yang sangat hampir dengan kawasan kuari boleh meningkatkan paras PM10 di udara.

## Keupayaan Paru-paru

Menurut (K. Pratt, 2015), pendedahan habuk bermula apabila habuk memasuki saluran pernafasan atas iaitu bahagian hidung dan mulut melalui pernafasan. Kemudian, habuk akan terus turun ke bawah melalui trakea, bronkus, bronkiol sehingga sampai pada alveolus. Walaubagaimanapun, habuk yang termasuk dalam tubuh manusia ini boleh dibersihkan oleh mukosiliari dengan menolak habuk ini ke permukaan glottis. Habuk ini juga akan menjalani proses fagositosis sekiranya ia berada pada bahagian alveolus. Habuk yang telah memasuki paru-paru akan menyebabkan luka pada paru-paru berlaku. Parut pada tisu paru-paru akan menyebabkan pertukaran gas pada alveolus merosot.

Ujian keupayaan paru-paru telah dijalankan terhadap pekerja yang sama yang menjadi responden bagi persampelan pendedahan habuk. Menurut (Hossein Kakooei et al., 2012), ujian ini telah dilakukan menggunakan *Vitalograph spirometer* terhadap responden dalam keadaan berdiri dan dibantu oleh pembantu yang terlatih. Menurut (Zailina H. et al., 2003), ujian keupayaan paru-paru telah dijalankan ke atas pelajar untuk mengetahui fungsi normal paru-paru menggunakan Pony Spirometer dengan mengambil bacaan parameter FEV<sub>1</sub>, FVC, dan FEV<sub>1</sub>/FVC%. Pengkaji juga turut melakukan kaedah yang sama semasa ujian keupayaan paru-paru ini dilaksanakan. Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan pada alat yang digunakan kerana pengkaji telah menggunakan peralatan *Peak Flow Meter* dalam kajiannya ini.

Hasil ujian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati terdapat perbezaan signifikan terhadap keupayaan paru-paru pelajar di kawasan terdedah dengan pelajar di kawasan tidak terdedah di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Pelajar di kawasan terdedah dan kawasan tidak terdedah mempunyai nilai bacaan yang tidak sama. Bacaan pelajar perempuan juga lebih rendah berbanding pelajar lelaki di kedua-dua kawasan. Bacaan purata keupayaan paru-paru bagi pelajar di kawasan yang terdedah ialah 352.5 L/min manakala pelajar di kawasan yang tidak terdedah pula 383.7 L/min. Menurut (Gregg, N. A., 2004 dan Schwartz, 1989), bacaan keupayaan paru-paru seseorang itu dipengaruhi oleh jantina, ketinggian dan umur.

## Siptom Masalah Respiratori

Menurut (Hossein Kakooei et al., 2012), beliau telah menggunakan *St. George's Respiratory Questionnaire* dengan melakukan sedikit perubahan terhadap borang tersebut dalam kajian beliau. Pengkaji juga telah menggunakan borang soal selidik dari *St. George's Respiratory Questionnaire* (dalam versi bahasa Melayu) bagi memperoleh maklumat responden dengan sedikit penambahan bagi memperoleh data demografi. Pengkaji juga mendapati kesemua borang soal selidik yang dijawab oleh responden telah dikembalikan semula dan diisi dengan lengkap.

Berdasarkan borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden, pengkaji dapat mengetahui skor bagi simptom respiratori yang dihidapi oleh responden. Skor simptom dirujuk daripada manual pemarkahan *St. George's Respiratory Questionnaire*. Skor 1 hingga 50 dianggap kurang teruk menghidapi simptom masalah respiratori manakala skor 50.1 hingga 100 dianggap lebih teruk menghidapi simptom masalah respiratori. Berdasarkan skor ini, pengkaji dapat menganalisis dan membincangkan bahawa seramai 27 pelajar daripada 36 (75%) pelajar di kawasan terdedah mempunyai kategori simptom masalah respiratori yang teruk manakala seramai 2 daripada 57 (3.5%) pelajar di kawasan kurang terdedah memperoleh simptom masalah respiratori yang teruk. Dapat disimpulkan, pelajar kawasan yang terdedah lebih berisiko untuk memperolehi simptom masalah respiratori berbanding kawasan kurang terdedah.

Hasil ujian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati terdapat perbezaan signifikan terhadap simptom masalah respiratori pelajar di kawasan terdedah dengan pelajar di kawasan tidak terdedah di Bukit

Mertajam, Pulau Pinang. Pelajar di kawasan terdedah dan kawasan tidak terdedah mempunyai skor simptom yang tidak sama. Bacaan purata skor simptom masalah respiratori bagi pelajar di kawasan yang terdedah ialah 59.6/100 manakala pelajar di kawasan yang tidak terdedah pula 38.7/100. Ini dapat disokong oleh kajian – kajian terdahulu bahawa pendedahan kepada partikel terampai boleh mempengaruhi prestasi dan tahap kesihatan respiratori seseorang terutama kepada pelajar sekolah (Zailina H. et al., 2003)

## Perkaitan Antara Pendedahan Habuk Terhadap Keupayaan Paru-Paru Dan Simptom Masalah Respiratori

Berdasarkan kajian terdahulu, (S. E. Urom et al., 2004) menyatakan bahawa keputusan kajian nyata menunjukkan bahawa individu yang terdedah kepada pendedahan habuk menunjukkan penurunan fungsi paru-paru jika dibandingkan dengan individu yang tidak terdedah. Beberapa tahun selepas itu, kajian (K-C. Nordby et al., 2011) telah menyokong dengan menyatakan bahawa individu yang terdedah secara langsung dengan habuk mempunyai peningkatan prevalens bagi simptom saluran udara dan isipadu paru-paru yang berkurang berbanding seseorang individu yang minimum pendedahannya.

Oleh itu, hasil kajian penyelidikan yang telah dijalankan oleh pengkaji di dua buah sekolah di Bukit Mertajam mendapati terdapat perbezaan signifikan terhadap keupayaan paru-paru pelajar di kawasan terdedah dengan pelajar di kawasan tidak terdedah di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Keputusan ini sama dengan keputusan yang diperoleh oleh beberapa pengkaji lepas. Menurut kajian lepas (Zailina H. et al., 2003), keputusan kajian mendapati terdapat perhubungan antara partikel terampai dengan fungsi paru-paru dalam kalangan pelajar sekolah. Terdapat perkaitan antara bacaan keupayaan paru-paru dan pendedahan habuk kemungkinan disebabkan oleh faktor pendedahan kepada habuk pada kepekatan yang berbeza di kawasan terdedah dan kurang terdedah.

Berdasarkan pengukuran pendedahan habuk yang telah dibuat, pengkaji telah memperoleh purata pendedahan habuk sebanyak 36.3 mg/m<sup>3</sup> pada pelajar yang terdedah dan 22.6 mg/m<sup>3</sup> pada pelajar yang tidak terdedah. Bacaan purata keupayaan paru-paru bagi pelajar di kawasan yang terdedah ialah 352.5 L/min manakala pelajar di kawasan yang tidak terdedah pula 383.7 L/min. Ini menunjukkan purata pendedahan habuk di kawasan terdedah lebih tinggi berbanding kawasan tidak terdedah dan faktor ini yang telah mempengaruhi keupayaan fungsi paru-paru pelajar di kedua-dua kawasan tersebut. Kenyataan ini telah disokong oleh S. E. Urom et al., 2004. Menurut (S. E. Urom et al., 2004) menyatakan bahawa individu yang terdedah kepada pendedahan habuk menunjukkan penurunan fungsi paru-paru jika dibandingkan dengan individu yang tidak terdedah.

Selain itu, aktiviti ujian keupayaan paru-paru itu sendiri mungkin menjadi faktor kepada hasil kajian ini. Menurut (Johns, D. P., & Pierce, R., 2008), kaedah yang betul ialah ujian dijalankan dengan keadaan responden berdiri dan klip hidung dipasang pada hidung responden. Menurut mereka lagi, responden hendaklah nafas dengan sepenuhnya, kemudian memastikan mulut berada pada corongnya dengan keadaan yang betul, dan seterusnya menghembus nafas secepat dan sekuat mungkin sehingga paru-paru betul-betul kosong. Dengan mengikut panduan pengukuran yang betul, keputusan bacaan menjadi lebih tepat serta dapat mengurangkan ralat pada pengumpulan data.

Bukan itu sahaja, faktor fizikal seseorang itu juga turut mempengaruhi keputusan keupayaan paru-paru. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh (S. E. Urom et al., 2004), beliau menyatakan bahawa parameter antropometri turut mempunyai hubungan yang signifikan terhadap indeks fungsi paru-paru seseorang. Selain dari masalah fizikal juga, bacaan keupayaan paru-paru seseorang itu juga telah dipengaruhi dengan sejarah kesihatan seseorang itu. Oleh itu, sebelum menjalankan pengukuran keupayaan paru-paru, pengkaji

mendapatkan maklumat kesihatan terlebih dahulu bagi memastikan semua responden sihat dan tidak mengalami masalah kesihatan. Ini bertujuan bagi mendapatkan pengukuran yang betul dan tepat.

Tambahan pula, hasil kajian ini mempunyai perkaitan mungkin disebabkan oleh tempoh pendedahan yang sama bagi setiap pelajar. Tempoh pendedahan kepada udara luar bagi kedua-dua sekolah adalah selamat tempoh 7 jam sesi pembelajaran. Dengan keadaan bilik kelas yang pengudaraan tingkap terbuka, sudah tentu setiap pelajar akan terdedah pada udara luar pada tempoh yang sama sepanjang berada di kelas. Daripada kajian lepas, ujian korelasi mendapati bahawa keupayaan paru-paru individu yang terdedah semakin berkurangan apabila mereka lebih lama terdedah pada habuk (S. E. Urom et al., 2004). Kajian (AN Nwibo et al., 2012), turut menyatakan bahawa penurunan ketara nilai min FEV<sub>1</sub> dan FVC, yang menandakan semakin terdedah responden itu semakin rendah nilainya.

Walaupun bagaimanapun, terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi bacaan pengukuran keupayaan paru-paru seseorang. Kenyataan ini telah disokong oleh (S. E. Urom et al., 2004) berdasarkan kenyataannya bahawa selain dari pendedahan habuk yang tinggi, mungkin terdapat faktor-faktor lain seperti gas karbon monoksida, karbon dioksida wasap nitrus dan juga ammonia. Selain itu, kenyataan dari (Shamsul B. S. et al., 2002) mengatakan bahawa sumber PM<sub>10</sub> yang utama di Malaysia adalah berpunca dari pembangunan yang tidak terkawal dan juga peningkatan jumlah kenderaan bermotor.

Akhir sekali, hasil kajian ini menunjukkan keupayaan paru-paru pelajar merosot akibat pendedahan kepada habuk. Kajian (S. E. Urom et al., 2004) telah menyatakan subjek yang tinggal atau bekerja di kawasan berhampiran dengan industri menghancurkan batu granit kebiasaannya menunjukkan kemerosotan fungsi paru-paru.

Dengan kemajuan teknologi dan pembangunan negara, kawalan terhadap punca pencemaran harus diambil kira. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, terdapat pelbagai penemuan yang telah ditemui. Antaranya seperti yang dinyatakan oleh (Lohani T.K et al., 2012), hasil pengkuarian merupakan hasil yang penting bagi tujuan pembinaan, namun penggantian telah wujud sebagai satu perkembangan inovatif. Antara penemuan lain ialah untuk tujuan keselamatan kepada golongan yang terdedah kepada habuk kuari. Kajian (D.W.S Ho et al., 2002) menyatakan, bagi memperoleh tahap pepadatan yang baik, kaedah *self-compacting concrete* (SCC) telah digunakan. Dengan wujudnya kaedah ini, ia telah dapat mengurangkan pembebasan partikel terampai ke udara. Dengan mengurangkan pembebasan ini, kepekatan habuk di udara juga dapat di minimumkan. Selain itu, (K. Pratt, 2015 dan Shamssain Mh, 1992) pula memaklumkan bahawa pemasangan ventilasi ekzos setempat di tempat kerja dapat mengurangkan tahap pendedahan habuk. Kaedah ini dapat dilakukan di sekolah-sekolah bagi mengurangkan pendedahan habuk dalam kalangan pelajar. Keadaan kelas yang terbuka serta tingkap terbuka boleh diganti dengan kelas yang bertutup sepenuhnya serta menggunakan sistem penghawa dingin di setiap kelas.

### Limitasi dan Pertimbangan Metodologi

Berdasarkan Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang harus diambil kira oleh pembaca atau penyelidik lain sebelum menggunakan data kajian ini secara eksklusif. Antaranya adalah aspek kerjasama dari pihak penjaga dan ibu bapa pelajar dalam memperolehi kebenaran. Selain itu data kajian ini adalah berkonsepkan kajian rentas pemerhatian yang hanya melihat kesan dan faktor secara serentak pada julat masa berkenaan sahaja. Keputusan kajian ini berkemungkinan tidak boleh digeneralisasi kepada keseluruhan populasi yang dikaji. Dalam pada itu, persampelan pendedahan persekitaran juga berkemungkinan tepat tetapi kurang mewakili atas alasan perolehan pum persampelan yang terhad bilangannya dan jumlah masa yang digunakan adalah terhad (kebenaran yang terhad).

Walaupun begitu, kajian ini mempunyai merit dari segi keputusan kajian yang dapat diterjemah dengan kaedah saintifik dan menyokong idea bahawa terdapat perhubungan dan kesan kesihatan akibat pendedahan kepada faktor pengkuarian akibat dari terbang debu kuari. Walaupun kajian ini tidak boleh menyatakan punca dan sebab secara valid, kajian ini berupaya mencadangkan bahawa hazard pengkuarian kepada kesihatan persekitaran boleh mempengaruhi kesihatan masyarakat, pelajar dan semua komuniti penduduk di kawasan.

### KESIMPULAN

Kajian menunjukkan bahawa objektif kajian tercapai dan terdapat perkaitan yang signifikan antara pendedahan habuk dan kesihatan respiratori.

### PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada individu ataupun pihak yang telah banyak membantu saya, samaada secara langsung mahupun tidak langsung terutama kepada penyelia Pusat Latihan Klinikal (PLK) Bukit Mertajam iaitu Encik Umathavan A/L Arumugam; Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah, Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah dan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja (JKKP) Negeri Pulau Pinang di atas kesudian memberi tempat untuk melakukan kajian, membenarkan penggunaan alat dan bimbingan serta tunjuk ajar semasa kajian ini dijalankan. Begitu juga kepada Professor Paul Jones dari St. George's University of London yang telah membenarkan penggunaan borang soal selidiknnya.

### RUJUKAN

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994. (1994). Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Undang-Undang Malaysia, 1-38.
- AN Nwibo, EI Ugwuja, NO Nwambeke, OF Emelumadu, L. O. (2012). Pulmonary Problems among Quarry Workers of Stone Crushing Industrial Site at Umuoghara. *The International Journal of Occupational and Environmental Medicine*, 3(4), 178-185.
- Godfrey, S., Kamburoff, P. L., & Naim, J. R. (1970). Spirometry, lung volumes and airway resistance in normal children aged 5 to 18 years. *British journal of diseases of the chest*, 64(1), 15-24.
- Gregg, N. A. (2004). Peak Expiratory Flow Rate - Normal Values. *Br Med Journal*, 44(1), 456304.
- Higgins BG, Francis HC, Yates C, et al. Environmental exposure to air pollution and allergens and peak flow changes. *Eur Respir J*. 2000;16: 61-66
- Ho, D. W. . W. S., Sheinn, a. M. . M. M., Ng, C. . C., & Tam, C. . T. (2002). The use of quarry dust for SCC applications. *Cement and Concrete Research*, 32(4), 505-511.
- Johns, D. P., & Pierce, R. (2008). The Measurement and Interpretation of Ventilatory Function in Clinical Practice, (July 2004), 1-24. Retrieved from [http://www.nationalasthma.org.au/uploads/content/211spirometer\\_handbook\\_naca.pdf](http://www.nationalasthma.org.au/uploads/content/211spirometer_handbook_naca.pdf)
- K. Pratt. (2015). Digital Commons @ Montana Tech Exposure Assessment To Respirable Crystalline Silica Particles During Airfield Maintenance Concrete Operations.
- Kakoei, H., Gholami, A., Ghasemkhani, M., Hosseini, M., Panahi, D., & Pouryaghoub, G. (2012). Dust exposure and respiratory health effects in cement production. *Acta Medica Iranica*, 50(2), 122-126.
- Linch KD. (2002). Respirable concrete dust--silicosis hazard in the construction industry. *Applied Occupational and Environmental Hygiene*. 17(3), 209-21.
- Lohani, T. K., Padhi, M., Dash, K. P., & Jena, S. (2012). Optimum utilization of quarry dust as partial replacement of sand in concrete. *International Journal of Applied Science and Engineering Research*, 1(2), 391-404.
- Nordby, K. C., Fell, a. K. M., Notø, H., Eduard, W., Skogstad, M., Thomassen, Y., Kjuus, H. (2011). Exposure to thoracic dust, airway symptoms and lung function in cement production workers. *European Respiratory Journal*, 38(6), 1278-1286.
- Schwartz J, Koenig J, Slater D, Larson T. Particulate air pollution and hospital emergency visits for asthma in Seattle. *Am Rev Respir Dis*. 1993;147:826-831
- Schwartz J. Lung function and chronic exposure to air pollution: a cross-sectional analysis of NHANES II. *Environ Res*. 1989;50:309-321
- Shamssain, M. H. (1992). Pulmonary function and symptoms in workers exposed to wood dust. *Thorax*, 47(2), 84-87.

- Shamsudin, S. B., Hashim, Z., Hashim, J. H., & Omar, A. (2002). Kepekatan partikel temafas (PM10) dan plumbum temafas dalam udara ambien di kawasan bandar dan luar bandar. *Sains Malaysiana*, 31, 223-239.
- Urom, S. E., Antai, a B., & Osim, E. E. (2004). Symptoms and Lung Function Values in Nigerian Men and Women Exposed To Dust Generated From Crushing of. *Nigerian Journal of Physiological Sciences*, 19, 41-47.
- Zailina H, Juliana J & Shamsul BMT. (2003). Partikel Temafas (PM10) dan hubungannya dengan Sistem respiratori di kalangan kanak – kanak sekolah di Sungai Siput Utara, Perak. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*. 2003, Vol 3(2); pp 23 -32
- Zainol AM. Pencemaran udara oleh debu temafas (PM10) dan hubungannya dengan penyakit dan fungsi paru – paru bagi kanak – kanak sekolah rendah di sekitara kuari. Sarjana kesihatan masyarakat. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.



## Pendedahan Getaran Seluruh Badan (*Whole Body Vibration*) Semasa Memandu Dan Kejadian Sakit Belakang Bawah Dan Pinggang Dikalangan Pemandu Lori Sisa Pepejal Di Seberang Perai, Pulau Pinang

Marshallino Paul<sup>a</sup>, Syazwan Aizat Ismail<sup>b\*</sup> & Umathavan A/L Arumugam<sup>a,b</sup>

<sup>a</sup> Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sungai Buloh, 47000, Sungai Buloh, Selangor

<sup>b</sup> Pusat Latihan Amali (PLA) Bukit Mertajam, Pulau Pinang

\* Corresponding author: [syazwan.ismail.upm@gmail.com](mailto:syazwan.ismail.upm@gmail.com)

### Abstrak

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji pendedahan getaran semasa memandu (*Whole body vibration*; WBV) dan masalah sakit pinggang/ sakit belakang bawah (LBP). Kajian rentas dan teknik persampelan bertujuan telah dijalankan oleh pengkaji, melibatkan 24 orang responden yang terdiri daripada 12 orang pemandu lori kompaktor dan 12 orang pemandu lori tipper 1 tan daripada satu organisasi yang menguruskan pengambilan sampah di Pulau Pinang. Kedua-dua kumpulan dikaji sosiodemografik, ciri-ciri pekerjaan, persekitaran pekerjaan, maklumat kesihatan dan kekerapan sakit pinggang menggunakan borang soal selidik 'Validate Standard Nordic Questionnaire' yang telah diterjemah dalam bahasa Malaysia, manakala, magnitud getaran ditentukan dengan menggunakan Human Vibration Meter. Hubungan diantara getaran semasa memandu dan sakit pinggang diuji dengan ujian korelasi pearson correlation. 100% daripada responden mengalami masalah sakit pinggang dalam tempoh 12 bulan terkini. Nilai pendedahan getaran harian kedua-dua kumpulan didapati telah melebihi paras nilai limit pendedahan getaran harian (ELV) 1.15 ms<sup>-2</sup> dan nilai pendedahan getaran harian bertindak (EAV) 0.5 ms<sup>-2</sup> yang telah ditetapkan oleh European Parliament Council 2002. Hasil daripada analisis ujian korelasi menunjukkan terdapat perkaitan pendedahan getaran harian dan sakit pinggang. Ini menunjukkan pendedahan getaran semasa memandu menyebabkan masalah sakit pinggang dalam kalangan responden.

**Keywords:** getaran seluruh badan, sakit belakang bawah, pemandu lori

© 2018 MAEH Research Centre  
All rights reserved

### PENGENALAN

Sakit pinggang atau "lower back pain" (LBP) merupakan sakit pada bahagian belakang atau keadaan yang tidak menyenangkan di mana kawasan belakang yang lebih rendah di antara tulang rusuk dan lipatan gluteal mengalami kesakitan (Palmer et al., 2003). Sakit pinggang juga adalah symptom biasa bagi penyakit musculoskeletal iaitu gangguan pada sistem saraf dan tisu lembut manusia. Keadaan sakit pinggang ini boleh mengurangkan tumpuan serta melambatkan kerja-kerja pemanduan dan sekaligus menyebabkan bebanan ekonomi yang besar terhadap individu, keluarga, masyarakat, industry dan kerajaan. Walaupun tiada kes kematian direkodkan bagi sakit pinggang ini, namun secara globalnya, penyakit sakit pinggang telah disenaraikan sebagai penyumbang terbesar kepada kekurangan upaya atau kecacatan di 12 daripada 21 wilayah dunia dan penyumbang bebanan paling terbesar di dua daripada 21 kawasan di seluruh dunia (Barat Eropah dan Australasia). Kebanyakan kes-kes ini terdiri daripada golongan lelaki berbanding perempuan dan berumur di Antara 35-50 tahun (Hoy et al., 2014).

Kebanyakan daripada laporan-laporan kes yang berlaku, masalah sakit pinggang adalah yang terbanyak sekali pernah dilaporkan kesan daripada gegaran semasa melakukan pekerjaan tertentu. Simptom-simptom seperti masalah sakit leher dan bahu, masalah pencernaan, kerosakan organ reproduktif, masalah penglihatan, dan perubahan terhadap sistemkardiovaskular, pernafasan dan sistem endokrin juga boleh berlaku dalam jangka masa yang panjang sekiranya pekerja-perkerja masih terdedah kepada gegaran ini. Biasanya, sakit pinggang ini disebabkan oleh faktor-faktor fizikal seperti getaran pada seluruh badan atau "whole body vibration" (WBV) yang terhasil daripada suatu permukaan yang bergetar, postur mengangkat dan kedudukan secara membongkok yang berte rusan, faktor-faktor psikososial dan juga insiden yang berkaitan dengan kecederaan seperti kemalangan jalanraya (Chen et al., 2005). Selain daripada itu, obesiti yang mengakibatkan berat pada bahagian perut dan kehamilan pada peringkat akhir boleh menyebabkan sakit belakang dan mengganggu kelengkungan tulang belakang (Erlich, 2003). Umur dan genetic seseorang juga merupakan faktor normal yang menyumbang kepada sakit pinggang yang disebabkan oleh penurunan kepada

tantulang, kekuatan dan keanjalan otot serta ligamen. Menurut kajian Miyamoto et al., (2000), individu yang mengalami sakit pinggang ini adalah kebanyakan jantina lelaki yang dalam lingkungan 40-an. Menurut laporan oleh Lewis dan Johnson pada tahun 2012, tahap getaran seluruh badan atau whole body vibration level yang diukur dengan menggunakan kedua-dua piawai ISO 2631-1 dan 2631-5 yang mana instrument dipasang di tempat duduk dan lantai bas, mendapati bahawa jenis jalan raya memberikan impak yang besar kepada semua parameter getaran (Lewis dan Johnson, 2012).

Pesakit yang mengalami sakit pinggang seringkali berkunjung ke pusat perubatan bagi tujuan mendapatkan perundingan nasihat berkaitan dengan sakit yang dialami. Disamping itu, mereka juga menggunakan pendekatan alternative seperti "Pelarasan" Chiropraktik, Manipulasi Osteopatik, yoga, akupunktur, herba-herba, terapi spa atau terapi fizikal dan lain-lain bentuk haba lembap bagi mengurangkan rasa sakit pinggang tersebut (Erllich, 2003). Selain itu, latihan seperti senaman ringan, mengamalkan teknik bergerak dan mengangkat yang betul, menjaga pemakanan dan komposisi badan serta mengelak daripada merokok dapat mengurangkan kes-kes sakit pinggang.

Kuantiti utama magnitud getaran adalah pecutan. Pecutan getaran,  $\alpha$ . Pecutan terjemahan dinyatakan dalam meter per meter kuasa dua ( $m/s^2$ ) dan pecutan putaran dinyatakan dalam radian per meter kuasa dua ( $rad/s^2$ ). Nilai-nilai ini dipetik sebagai punca kuasa dua min (root-mean-squared, r.m.s) kecuali dinyatakan sebaliknya (ISO 2631-1, 1997)

Getaran hendaklah diukur mengikut sistem kordinat beasal pada satu titik yang mana getaran masuk ke dalam tubuh melaluinya. Titik pusat utama di dalam sistem koordinat ditunjukkan dalam Rajah 2.3. Jika ia tidak boleh dilaksanakan untuk mendapatkan aligment tepat daripada transducers getaran dengan paksi titik pusat pilihan, paksi sensitif transducer boleh menyimpang dari paksi pilihan sehingga 15 darjah di mana yang perlu. Untuk individu yang duduk pada tempat duduk yang condong, orientasi yang berkaitan hendaklah ditentukan oleh paksi-z tidak semestinya menegak. Orientasi titik pusat yang menegak kepada gravitational field harus diperhatikan. Transducer yang terletak di satu lokasi hendaklah diletakkan berserenjang. Transitional accelerometer berorientasi pada paksi berbeza pada lokasi pengukuran yang tunggal hendaklah berdekatan antara satu sama lain yang boleh.

Transducer hendaklah diletakkan diantara permukaan badan individu dan permukaan sumber getaran di mana getaran harus diukur. Getaran dipindahkan kepada tubuh badan dari permukaan yang bergetar, belakang kerusi dan kaki. Kawasan utama hubungan antara badan dan permukaan yang bergetar mungkin tidak selalunya jelas. ISO 2631 menggunakan tiga kawasan utama bagi orang yang duduk permukaan sokongan kerusi, belakang-kerusi dan kaki. Pengukuran ke atas belakang-kerusi hendaklah dibuat di bawah ischial tuberosities (pasangan tulang punggung). Pengukuran ke atas belakang-kerusi hendaklah dibuat pada kawasan utama sokongan utama badan. Getaran yang dipindahkan kepada badan daripada bahan yang bukan keras atau bukan tegar (contohnya kerusi itu: kusyen atau sofa) hendaklah diukur dengan transducer melintang diantara orang dan kawasan permukaan utama yang bergetar. Ini boleh dicapai dengan mendapatkan transducer yang sesuai. Transducer tidak banyak mengubah taburan tekanan pada permukaan bahan yang keras. Pengukuran pada permukaan lembut, individu hendaklah mengamalkan kedudukan biasa.

Tempoh pengukuran haruslah mencukupi untuk memastikan ketepatan statistik munasabah dan untuk memastikan bahawa getaran adalah tipikal terhadap pendedahan yang sedang dinilai. jangka masa pengukuran hendaklah dilaporkan semasa pengukuran dibuat. Pendedahan lengkap terdiri daripada pelbagai tempoh pada ciri-ciri yang berbeza, analisis berasingan daripada pelbagai tempoh yang dikehendaki mungkin diperlukan. Jangka masa pengukuran minimum

yang diperlukan untuk confidence level 90%, untuk memperoleh bacaan ralat kurang daripada 3dB adalah 108 saat untuk Lower Limiting frequency (LLF) 1 Hz dan 227 saat untuk LLF 0.5 Hz. (ISO 2631-1, 1997).

Salah satu pekerjaan yang terlibat dengan masalah sakit pinggang ini adalah pekerjaan sebagai pemandu lori. Maka, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji pendedahan getaran semasa memandu dan masalah sakit pinggang dikalangan para pemandu lori yang berkerja untuk mengangkat sisa pepejal dilakukan. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah mengetahui pendedahan getaran semasa memandu dan sakit pinggang dikalangan pemandu lori kompaktor dan pemandu lori tripper satu tan di organisasi terpilih di Pulau Pinang.

## METODOLOGI

### Kawasan kajian dan kumpulan sasar

Pemandu lori daripada sebuah organisasi di Seberang Perai, Pulau Pinang (Syarikat A) dijadikan sebagai kumpulan sasaran kerana kerja pemungutan dan pengangkutan sisa pepejal adalah dilakukan setiap hari dan pemandu-pemandu ini merupakan golongan yang terdedah secara langsung dengan getaran semasa memandu (WBV) yang boleh membawa kepada masalah sakit pinggang (lower back pain). Pemandu lori kompaktor dan pemandu lori tipper 1 tan adalah kumpulan yang dipilih sebagai responden oleh pengkaji kerana lori kompaktor dan lori tipper 1 tan berbeza dari segi saiz, kapasiti dan jenis lori. Ini menyebabkan pengkaji ingin mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara pendedahan getaran dan masalah sakit pinggang dikalangan pemandu-pemandu tersebut.

### Rekabentuk kajian

Kajian rentas dilakukan ke atas dua kumpulan yang berbeza iaitu pemandu lori kompaktor dan pemandu lori tripper 1 tan yang berkerja di Syarikat A di sekitar kawasan Seberang Perai, Negeri Pulau Pinang telah dipilih secara kebetulan. Kedua-dua kumpulan ini akan di berikan borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat sosiodemografik, ciri-ciri pekerjaan, persekitaran pekerjaan, keadaan kesihatan dan juga kekerapan sakit pinggang dan musculoskeletal. Kedua-dua kumpulan ini juga akan ditentukan magnitud getaran semasa memandu dengan menggunakan alat pengukur getaran. Kedua-dua kumpulan kemudian di bandingkan sama ada terdapat perbezaan di antara kedua-dua kumpulan sama ada dari segi pendedahan kepada getaran semasa memandu dan juga sakit pinggang. Segala keputusan kajian adalah diperolehi pada masa kajian dilakukan.

### Populasi Kajian

Populasi kajian ditentukan dengan mengenalpasti kumpulan manakah yang berkait rapat dengan kajian yang ingin dilakukan iaitu kumpulan yang terdedah dengan getaran seluruh badan (WBV). Setelah populasi kajian dikenalpasti, kerangka persampelan diwujudkan dari senarai nama yang dibekalkan oleh pihak pentadbiran. Secara umumnya terdapat 40 orang respondent yang telah dipilih dan hanya 24 yang diambil atas sebab-sebab teknikal yang tidak dapat diatasi.

### Kaedah persampelan dan saiz sampel

Jenis persampelan yang dilakukan oleh pengkaji di dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan. Pengkaji hanya mengambil sampel pemandu lori yang menggunakan laluan penghantaran sisa pepejal ke pusat pemindahan yang sama untuk mengelakkan cofounding variable seperti jarak perjalanan dan keadaan jalan. Persampelan adalah dikira berdasarkan rumus 'propotion formula' dan nilai P ditentukan berdasarkan kajian lepas iaitu berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Aini dan Huda (2015) iaitu kajian 'prevalence of musculoskeletal symptoms and its associated risk factors among bus drivers in a university in Malaysia'.

Ini adalah kerana jenis data untuk independent variable iaitu sakit pinggang adalah jenis nominal atau kategori. Manakala nilai z dan nilai aras keertian ( $\alpha$ ) adalah berdasarkan jenis kajian dan ketepatan kajian dan di dalam kajian ini nilai  $\alpha=0.05$ . Menurut Stanley Lemeshow et al. (1990) nilai  $z=1.960$  untuk pengiraan one sampel problem. Hasil daripada pengiraan saiz sampel yang didapati adalah seramai 38 orang. Saiz sampel adalah menghampiri nilai keseluruhan populasi, jestru itu pengkaji mengambil keseluruhan populasi seramai 40 orang sebagai saiz sampel untuk memastikan dapatan kajian mewakili populasi tersebut. Namun, semasa persampelan data dilakukan terdapat limitasi peralatan pengukuran untuk menentukan magnitud getaran dalam kalangan responden. Keseluruhan persampelan yang telah dilakukan pengkaji adalah sebanyak 24 orang iaitu sebanyak 30% daripada jumlah responden sebenar.

**Peralatan dan kaedah mengumpul data**

*Human Vibration Meter (Larson Davis Hvm100)*

Human Vibration Meter daripada Larson Davis model HVM 100 merupakan alat yang dikendalikan dengan tangan dan mempunyai pelbagai aplikasi termasuklah, analisis getaran seluruh badan (WBV), analisis getaran Lengan-Tangan dan juga analisis kegunaan am. Human Vibration Meter Larson ini dibekalkan dengan Seat Pad Accelerometer yang mana ianya digunakan untuk menentukan magnitud WBV. seatpad accelerometer ini diletakkan dibawah tempat duduk pemandu sebelum pemanduan dijalankan. Alat HVM100 ini telah disewa daripada Universiti Putra Malaysia. Alat telah dikaliberasi sebelum diletakkan pada tempat duduk pemandu yang terlibat dalam kajian ini.

*Human Borang Soal Selidik VSNQ*

Borang VSNQ dibuat berdasarkan kajian sebelum ini dari Kuorinka et al (1987) dan difokuskan hanya pada simptom sakit belakang bawah/ pinggang (Low Back Pain). Di dalam kajian itu juga para pengkaji tersebut telah mewujudkan index dengan menilai masalah seperti “Adakah anda mengalami masalah berkenaan?”; “Pernah dimasukkan ke hospital kerana masalah berkenaan?”; “Pernah ditukarkan pekerjaan kerana kesakitan berkenaan” dan “Jangka masa masalah berkenaan reda”. Soalan –soalan ini diwujudkan dalam bentuk index, dimana responden yang menjawab “Ya” akan diberikan nilai “1” dan “Tidak” diberi nilai “0”. Markah paling rendah bagi soalan ini adalah “0” = sangat tidak bermasalah dan yang paling tinggi adalah skor “12”. Skor ini telah dijalankan ujian reliabiliti dengan merekodkan nilai kebolehppercayaan yang tinggi pada 6 component melebihi nilai Cronbach Alpha 0.833.

**Pengiraan**

*Pecutan R.M.S*

Pecutan r.m.s merupakan jenis bacaan magnitud getaran yang diperolehi daripada getaran (WBV) semasa memandu dengan menggunakan alat HVM100. Wajaran pecutan r.m.s dinyatakan dalam meter per saat (m/s<sup>2</sup>) untuk getaran translasi dan radian sesaat kuasa dua (rad/s<sup>2</sup>) untuk getaran putaran. Pecutan r.m.s wajaran hendaklah dikira mengikut persamaan berikut atau kesetaraan dalam domain frekuensi:

$$Aeq = \sqrt{\frac{1}{T} \int_0^T a_w^2(t) dt}$$

T= Integrasi masa dalam saat  
 = Pecutan serta merta  
 t= Masa dalam saat.

Masa integrasi pecutan r.m.s ialah daripada mula ke penetapan semula, paparan adalah dikemaskini sekali per saat.

Pecutan r.m.s merupakan bentuk pendedahahn getaran yang dikeluarkan atau diberikan oleh alat pengukuran (Human vibration meter). Pecutan r.m.s ini akan dibandingkan dengan standard yang telah

ditetapkan oleh Standard piawaian ISO 2631-1 dan Standard pendedahan getaran seluruh badan (WBV) yang telah ditetapkkan oleh European Union Directive 2002. Iaitu tidak boleh terdapat mana-mana magnitude getaran pada mana-mana paksi melebihi standard piawaian yang dibenarkan iaitu melebihi nilai limit pendedahan getaran harian (ELV) 1.15 m/s<sup>2</sup> dan nilai pendedahan getaran harian bertindak (EAV) 0.5 m/s<sup>2</sup> yang telah ditetapkan oleh European Parliament Council 2002 dan standard keselesaan semasa memandu yang ditetapkan oleh ISO 2631-1, 1997 0.5 m/s<sup>2</sup>.

*Tempoh Pendedahan Dibenarkan*

*Allowed Exposure Time*

$$= [(2.8 \text{ m/s}^2)/(Aeq)]^2 \times 8 \text{ hours}$$

Tempoh pendedahan dibenarkan dikira dengan menggunakan rumus di atas. Pengiraan melibatkan pecutan malar dibahagikan dengan pecutan wajaran r.m.s yang telah dikira seperti dalam rumus di atas dan kemudiannya dikuasa duakan. Hasil tersebut kemudian didarab 8 jam untuk memberikan nilia tempoh pendedahan yang dibenarkan. Namun, pengiraan ini tidak digunakkan oleh pengkaji untuk mengira tempoh pendedahan yang dibenarkan kerana alat pengukur getaran (Human vibration meter) sudah mengira siap didalam perisiannya tempoh pendedahan ini. Tempoh pendedahan disetkan selama 8 jam pada alat pengukuran untuk mendapatkan bacaan pendedahan selama 8 jam yang juga adalah pendedahan dos harian. Pendedahan dos harian ini akan dibandingkan dengan standard yang telah digunakan oleh Standard piawaian ISO 2631-1 dan Standard pendedahan getaran seluruh badan (WBV) yang telah ditetapkkan oleh European Union Directive 2002.

**Analisa Data**

Ujian normality data dilakukan keatas semua data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji. Data yang dikumpulkan oleh pengkaji untuk pembolehubah bebas (Pendedahan getaran semasa memandu) adalah dalam bentuk skala dan telah dilihat bertabur secara normal. Ujian parametrik t-test telah digunakan bagi membuat analisa keatas bacaan getaran yang direkodkan. Ujian ini termasuklah ujian perbezaan bacaan pada nilai getaran antara jenis kenderaan berbeza. Bacaan kesan kesihatan direkodkan dalam bentuk nominal kemudiannya dikira berdasarkan konsep index penambahan. Ini menjadikan markah selanjur yang sesuai digunakan dalam ujian korelasi. Ujian korelarsi Spearman digunakan dalam menguji hubungan antara pendedahan faktor pekerjaan, faktor demografik dan index sakit belakang dikalangan responden.

**Etika Kajian**

Kelulusan dari bahagian pentadbiran Syarikat A telah diperolehi, kebenaran dari Kolej Sains Kesihatan Bersekutu juga telah diperolehi. Semua responden yang menyertai kajian ini adalah dipilih dan bersetuju untuk menyertai secara sukarela. Maklumat responden dijaga sepanjang kajian ini berlangsung dan disimpan di dalam peti yang berkunci bagi memastikan maklumat kesihatan dan data pendedahan adalah rahsia. Kajian ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Kesihatan Persekitaran, KSKB Sg Buloh, Kementerian Kesihatan Malaysia.

**HASIL KAJIAN**

**Maklumat demografik**

Terdapat 24 orang responden di dalam kajian ini yang meliputi 12 orang pemandu lori kompktor dan 12 orang pemandu lori tipper 1 tan. Jadual 1 menunjukkan responden majoritinya berumur diantara 31 hingga 40 tahun dengan min umur 40.330 dan sisihan piawai 5.791 dengan peratusan 45.8%, diikuti umur diantara 41 hingga 50 tahun dengan peratusan 41.7%, umur 30 tahun dan ke bawah 8.5% dan umur 50 tahun dan ke atas dengan peratusan 4.2%. Berdasarkan kategori BMI menunjukkan majoriti (62.5%) responden mempunyai

BMI diantara 25.0 hingga 29.9 dengan min BMI 27.628 dan sisihan piawai 2.860, yang merupakan dalam kategori melebihi berat badan (overweight), diikuti BMI 30 dan ke atas kategori obesiti dengan peratusan 20.8% dan BMI 18.5 hingga 24.9 kategori berat badan normal sebanyak 16.7%. Tahap pendidikan responden pula majoritinya berpendidikan sehingga tingkatan 5 dengan peratusan 58.3% diikuti berpendidikan sehingga tingkatan 3 (25%), dan selebihnya berpendidikan sehingga STPM atau diploma 16.7%. Majoriti (83.3%) responden adalah merokok dan yang selebihnya 16.7% lagi tidak merokok.

Jadual 1. Sosiodemografik dan status merokok responden (N=24)

Pembolehubah	Frekuensi	%	Min	SP
<b>Sosiodemografik</b>				
<b>Umur</b>			40.330	5.791
30 tahun dan ke bawah	2	8.3		
31-40 tahun	11	45.8		
41-50 tahun	10	41.7		
51 tahun dan ke atas	1	4.2		
<b>BMI</b>			27.628	2.860
Normal (18.5-24.9)	4	16.7		
Overweight (25.0-29.9)	15	62.5		
Obesiti (30.0 dan ke atas)	5	20.8		
<b>Jantina</b>				
Lelaki	24	100		
<b>Bangsa</b>				
Melayu	22	91.7		
India	2	8.3		
<b>Status perkahwinan</b>				
Bujang	5	20.8		
Berkahwin	19	79.2		
<b>Tahap pendidikan</b>				
Tingkatan 3	6	25.0		
Tingkatan 5	14	58.3		
STPM/Diploma	4	16.7		
<b>Status Merokok</b>				
Tidak merokok	4	16.7		
Merokok	20	83.3		

Nota: Fr = Frekuensi; SP = Sisihan Piawai

Jadual 2 menunjukkan sejumlah 21 orang responden (87.5%) menggunakan motorsikal sebagai kenderaan pergi dan balik ke tempat kerja, 2 daripada responden (8.3%) menggunakan kereta ataupun motokar dan seorang responden (4.2%) hanya berjalan kaki ke tempat kerja. Jumlah bilangan responden yang memandu lori kompaktor dan lori tipper 1 tan adalah sama nisbahnya iaitu 50:50 di mana semua responden berkerja selama 8 jam sehari. Manakala peratusan bagi jangka masa berkhidmat responden sebagai pemandu lori yang paling tinggi sekali adalah sebanyak 37.5% (n=9), iaitu lingkungan masa berkhidmat selama 11 ke 20 tahun diikuti lingkungan 5 tahun dan kebawah 25% (n=6), dan diikuti pula dengan lingkungan masa selama 6 ke 10 tahun iaitu sebanyak 20.8% (n=5), seterusnya 21 tahun dengan peratusan sebanyak 16.7% (n=4). Penentuan jenis kenderaan penting dalam memastikan keseragaman pendedahan kepada getaran seluruh badan antara kumpulan adalah lebih kurang sama.

Jadual 2 Maklumat mengenai pekerjaan responden

Pembolehubah	Fr	%	Min	SP
<b>Maklumat pekerjaan</b>				
<b>Kenderaan pergi/balik</b>				
Motokar	2	8.3		
Motor	21	87.5		
Berjalan kaki	1	4.2		

<b>Jenis kenderaan yang dipandu</b>				
Lori kompaktor	12	50		
Lori tipper 1 tan	12	50		
<b>Jangka masa berkhidmat</b>				
5 tahun dan kebawah	6	25	11.583	6.192
6-10 tahun	5	20.8		
11-20 tahun	9	37.5		
21 tahun ke atas	4	16.7		
<b>Purata jam berkerja sehari</b>				
8 Jam	24	100		

Nota: Fr = Frekuensi; SP = Sisihan Piawai

Kekerapan dan peratusan bahagian anggota badan yang terlibat dengan masalah muskuloskeletal dalam kalangan responden ditunjukkan seperti di dalam Jadual 3. Hasil daripada dapatan analisis di dalam kajian ini, seramai 24 responden mengatakan bahawa mengalami masalah muskuloskeletal pada anggota bahagian belakang bawah (pinggang) dengan peratusan sebanyak 100%, diikuti dengan bahagian satu/dua-dua kaki yang menyumbang kepada peratusan kedua tertinggi iaitu sebanyak 54.2% dan yang ketiga adalah bahagian tengkuk iaitu sebanyak 25%. Anggota bahagian badan yang lain seperti peha, belakang atas, bahu, dan lutut turut mengalami masalah kesakitan, namun peratusan yang direkodkan adalah rendah. Manakala, semua responden mengatakan tidak terlibat sama sekali dengan masalah muskuloskeletal pada bahagian siku dan juga lengan/tangan.

Jadual 3 Peratusan bahagian anggota badan yang terlibat dengan masalah muskuloskeletal dalam kalangan responden (N=24)

Bahagian anggota badan yang terlibat	Jumlah responden yang mengatakan 'Ya' N(%)	Jumlah responden yang mengatakan 'Tidak' N(%)
Tengkuk	6 (25.0)	18 (75.0)
Bahu	5 (20.8)	19 (79.2)
Siku	0 (100.0)	24 (100.0)
Lengan/tangan	0 (0.0)	24 (100.0)
Belakang atas	2 (8.3)	22 (91.7)
Belakang bawah (Pinggang)	24 (100.0)	0 (0.0)
Satu/ Kedua-dua peha	3 (12.5)	21 (87.5)
Satu/ Kedua-dua lutut	1 (4.2)	23 (95.8)
Satu/ Kedua-dua kaki	13 (54.2)	11 (45.8)

Daripada Jadual 4 dapat dilihat nilai magnitud getaran semasa memandu yang berbentuk pecutan rms dan juga nilai dos getaran pendedahan harian. Daripada magnitud pecutan rms dan juga nilai dos getaran pendedahan harian dapat dilihat bahawa nilai-nilai tersebut adalah melebihi nilai limit pendedahan getaran harian (ELV) 1.15 ms<sup>-2</sup> dan nilai pendedahan getaran harian bertindak (EAV) 0.5 ms<sup>-2</sup> yang telah ditetapkan oleh European Parliament Council, 2002. Menurut European Parliament Council (2002) tidak boleh terdapat mana-mana pecutan yang melebihi daripada standard yang ditetapkan dan dapat dilihat daripada Jadual 4.4 kedua-dua kumpulan mempunyai nilai magnitud getaran yang tinggi pada paksi-z dengan nilai magnitude masing-masing 2.640 ms<sup>-2</sup> dan juga 2.611 ms<sup>-2</sup>. Nilai yang sama untuk dos pendedahan harian untuk kedua-dua kumpulan. Ini menunjukkan kedua-dua kumpulan adalah terdedah dengan hazard pendedahan getaran di tempat kerja.

Jadual 4. Magnitud getaran semasa memandu

Pembolehubah	Lori Kompaktor		Lori tipper 1 tan	
	Min	SP	Min	SP
<b>Pecutan rms</b>				
X-axis (m/s <sup>2</sup> )	1.845	0.003	0.003	0.002
Y-axis (m/s <sup>2</sup> )	1.510	0.004	1.632	0.001
Z-axis (m/s <sup>2</sup> )	2.640	0.007	2.611	0.008
<b>Nilai dos getaran (VDV)</b>				
Pendedahan harian (m/s <sup>2</sup> )	2.640	0.007	2.611	0.008

Nota: SP = Sisihan Piawai

Jadual 5 menunjukkan data ujian normaliti untuk pembolehubah bebas, pendedahan getaran semasa memandu yang berbentuk dalam pecutan rms dan juga pendedahan harian. Daripada jadual tersebut dapat dilihat semua data yang ditunjukkan mempunyai taburan yang normal. Begitu juga dengan data pembolehubah bersandar atau kesan kesihatan iaitu index sakit belakang bawah, juga merekodkan nilai skewness yang agak baik bagi memberikan justifikasi bertaburan normal.

Jadual 5. Data normaliti pembolehubah bebas.

Pembolehubah	Fr	Min	SP	Skewness
<b>Pecutan rms</b>				
<b>Paksi-X</b>	24	0.924	0.941	p<0.001
<b>Paksi-Y</b>	24	1.571	0.062	0.010
<b>Paksi-Z</b>	24	2.626	0.016	0.237
<b>Nilai dos getaran</b>				
<b>Pendedahan harian</b>	24	2.626	0.016	0.237

Jadual 6. Data normaliti pembolehubah masalah sakit pinggang.

Pembolehubah	Fre	Min - Max	Purata	SP	Skew
<b>Masalah sakit pinggang</b>					
Index*	24	4.0 – 8.0	6.04	1.37	0.253

Nota: Fr = Frekuensi; SP = Sisihan Piawai; Skew = Skewness (Index = Soalan adalah mengenai status sakit belakang bawah, ketidak selesaian belakang bawah, kemasukan ke pusat kesihatan akibat kesakitan belakang bawah, penukaran pekerjaan akibat sakit belakang bawah dan jangka masa sakit belakang bawah. Nilai dari 0 hingga 12. Nilai 12 adalah nilai paling tinggi (sangat berisiko))

Ujian perbandingan menggunakan ujian-t telah dijalankan bagi menilai perbezaan pendedahan getaran dari dua jenis kenderaan yang berbeza. Pendedahan getaran yang ditentukan oleh pengkaji untuk ujian ini adalah nilai dos getaran pendedahan harian berikutan nilai ini adalah penting terutama dalam kesihatan awam. Perbandingan pendedahan getaran dapat dilihat dalam Jadual 7. Daripada Jadual 4.7 dapat dilihat data perbandingan nilai dos getaran harian diantara 12 orang pemandu lori kompaktor dan 12 orang pemandu lori tipper satu tan. Data menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pendedahan getaran semasa memandu yang signifikan diantara pemandu lori kompaktor dan pemandu lori tipper satu tan pada nilai  $\alpha=0.05$  dengan nilai  $t=8.990$ .

Jadual 7. Perbandingan nilai dos getaran pendedahan harian dalam kalangan responden (N=24)

Variable	N	Min	SP	t-test	
				t	P
<b>Nilai dos getaran pendedahan harian</b>					
Lori kompaktor	12	2.640	0.007	8.990	p<0.001*
Lori tipper 1 Tan	12	2.611	0.008		

Nota: \*Signifikan p&lt;0.05

Jadual 8 menunjukkan data perbandingan index sakit pinggang dalam kalangan 12 pemandu lori kompaktor dan 12 orang pemandu lori tipper satu tan yang berkhidmat dibawah Syarikat A, Seberang Perai, Pulau Pinang. Daripada analisa dibuat, didapati terdapat perbezaan yang signifikan index sakit pinggang diantara pemandu lori kompaktor dan pemandu lori tipper satu tan pada nilai  $\alpha=0.05$  dan nilai  $t=4.103$ .

Jadual 8. Perbandingan index sakit pinggang dalam kalangan responden.

Pembolehubah	N	Min	SP	t-test	
				t	P
<b>Tahap Keterukan sakit pinggang</b>					
Lori kompaktor	12	7.12	0.94	7.29	p<0.001*
Lori tipper 1 Tan	12	4.92	0.52		

Nota: \*Signifikan p&lt;0.05

Jadual 9 diwujudkan bagi menggambarkan taburan simptom dan masalah oleh kumpulan – kumpulan yang terdedah dengan getaran dari kenderaan. Majoriti (42%) daripada responden mengalami tahap keterukan sakit pinggang kategori sakit teruk dan 21% daripadanya dialami oleh pemandu lori tipper satu tan dan 21% dialami oleh pemandu lori kompaktor. Namun perbezaan yang sangat ketara ialah pada tahap keterukan sakit pinggang pada kategori sakit sangat teruk. 29% daripada responden mengalami tahap keterukan sakit pinggang kategori sakit sangat teruk dan 29% tersebut adalah dalam kalangan pemandu lori kompaktor sahaja. Ini menunjukkan tahap keterukan sakit pinggang adalah lebih parah dialami dalam kalangan pemandu lori kompaktor berbanding pemandu lori tipper satu tan yang berkerja di Syarikat berkenaan.

Jadual 9. Keterukan Sakit pinggang dalam kalangan responden (N=24)

Pembolehubah	Lori kompaktor		Lori tipper 1 tan	
	Fr	%	Fr	%
<b>Tahap keterukan sakit pinggang</b>				
Sakit sangat teruk	7	29	0	0
Sakit teruk	5	21	5	21
Sakit	0	0	5	21
Kurang Sakit	0	0	2	8
Normal	0	0	0	0
<b>Jumlah keseluruhan</b>	12	50	12	50

Nota: Frekuensi

Objektif terakhir dalam kajian ini adalah menguji hubungan antar pendedahan persekitaran atau faktor – faktor pekerjaan yang berkait dengan index sakit belakang bawah. Jadual 10 menunjukkan terdapat perhubungan positif yang signifikan secara sederhana antara parameter getaran (Pendedahan harian; Pecutan RMS; Nilai Dos Getaran Maximum; dan Pendedahan Semasa) seluruh badan dengan index sakit belakang bawah. Tiada perhubungan direkodkan bagi faktor umur responden dan BMI dengan index sakit belakang bawah. Ini memberikan idea, bahawa terdapat kemungkinan pendedahan getaran ini mempengaruhi kesihatan belakang bawah pekerja pemandu kenderaan ini.

Jadual 10. Perkaitan diantara index sakit belakang dengan faktor – faktor pekerjaan yang terpilih (keseluruhan)

Pembolehubah/ Faktor	Index sakit belakang bawah		
	N	r	P
Pendedahan harian	24	0.675	p<0.001*
Pecutan RMS	24	0.675	p<0.001*
Nilai Dos Getaran Maximum	24	0.693	p<0.001*
Pendedahan semasa	24	0.745	p<0.001*
Berat Jisim Tubuh (BMI)	24	-0.149	0.486
Umur	24	-0.458	0.024*

Nota: \*Signifikan p&lt;0.05

## PERBINCANGAN

### Hasil Kajian

Hasil kajian menunjukkan masalah muskuloskeletal sakit pinggang dalam kalangan responden kajian adalah lebih tinggi daripada kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji lepas ke atas pemandu lori dan trak seperti Andrusaitis et al. (2006), seramai 242 orang (59%) daripada 410 orang pemandu trak yang menyertai kajian tersebut mengalami sakit pinggang dan menurut Miyamoto et al. (2000) seramai 153 pemandu lori (50.3%) mengalami sakit pinggang semasa kajian beliau dijalankan. Selain itu, kajian lepas berkenaan masalah sakit pinggang yang berkaitan dengan aktiviti pemanduan juga dapat dilihat daripada kajian Aini dan Huda (2015) yang menyatakan 78.7% daripada 47 respondennya yang berkerja sebagai pemandu bas di Universiti Putra Malaysia (UPM) mengalami masalah muskuloskeletal sakit pinggang. Hasil yang telah didapati oleh para pengkaji-pengkaji lepas adalah tidak tinggi dibandingkan kajian yang telah dijalankan ini. Kajian ini juga mendapati terdapat perkaitan diantara pendedahan getaran yang dihasilkan oleh kenderaan yang dipandu dengan masalah sakit pinggang dimana hasil daripada ujian korelasi pearson correlation menunjukkan terdapat pertalian yang signifikan diantara pendedahan getaran semasa memandu dan masalah sakit pinggang pada nilai  $\alpha=0.05$  dengan nilai  $r=0.807$ .

Walaupun bagaimanapun, masalah sakit pinggang dikalangan responden mungkin juga berlaku daripada faktor lain seperti faktor individu (status perkahwinan, tebiat merokok dan trauma) dan juga faktor risiko yang berkaitan dengan bidang kerja (kerja sebelumnya yang melibatkan kekuatan fizikal untuk tujuan mengangkat barang berat atau posisi membongkok) (Tiemessen et al., 2008). Selain itu, menurut Aini dan Huda (2015) jangka masa berkerja sehari, postur statik dan postur janggal juga mempengaruhi masalah muskuloskeletal. Terdapat banyak kemungkinan yang lain yang juga mungkin menyebabkan masalah sakit belakang dikalangan pemandu lori kompaktor dan pemandu lori tipper 1 tan di Syarikat A, Pulau Pinang, namun, hasil daripada kajian didapati salah satu faktor yang menyebabkan masalah sakit pinggang dalam kalangan responden adalah pendedahan getaran semasa memandu.

Sakit pinggang di kalangan responden disebabkan oleh pendedahan getaran semasa memandu yang kuat juga disokong oleh pengkaji lain seperti, menurut Rozali et al. (2009) kadar getaran yang kuat juga dilaporkan menyumbang kepada peratusan sakit pinggang yang tinggi di mana 117 (73.6%) daripada 159 responden pemandu kenderaan berat berperisai mengalami sakit pinggang dalam jangka masa 12 bulan dalam kajiannya. Ini serba sedikit berkait dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji di mana dalam kajian ini magnitud getaran yang dihasilkan oleh lori kompaktor dan lori tipper 1 tan di Syarikat A adalah melebihi standard yang ditetapkan oleh ISO 2631-1 dan European Union Directive 2002.

Hasil daripada analisis kajian di dapati kedua-dua kumpulan responden adalah terdedah dengan hazard pendedahan getaran semasa memandu. Ini adalah disebabkan min nilai dos getaran pendedahan harian yang diterima kumpulan lori kompaktor 2.640 ms<sup>-2</sup>, manakala min nilai dos pendedahan getaran harian yang diterima lori tipper satu tan 2.611 ms<sup>-2</sup>. Kedua-dua dos getaran harian yang diterima oleh kedua-dua kumpulan adalah melebihi nilai limit pendedahan getaran harian (ELV) 1.15 m/s<sup>2</sup> dan nilai pendedahan getaran harian bertindak (EAV) 0.5 m/s<sup>2</sup> yang telah ditetapkan oleh European Parliament Council 2002.

Hasil daripada analisis data pendedahan getaran, terdapat perbezaan pendedahan getaran dikalangan responden. Hasil daripada ujian independent t-test pendedahan getaran dalam kalangan responden iaitu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pendedahan getaran semasa memandu diantara pemandu lori kompaktor dan

pemandu lori tipper satu tan pada. Walaupun kedua-dua kenderaan iaitu lori kompaktor dan lori tipper satu tan merupakan kenderaan yang berada dalam kategori sama iaitu lori namun daripada jenis dan kapasiti lori juga boleh mempengaruhi kadar getaran yang dihasilkan. Menurut (Miyamoto et al., 2000) menyatakan bahawa getaran pada lori dan kejutan jalan raya yang menjadi punca utama mereka mengalami sakit pinggang.

Kejutan jalan raya adalah juga dipengaruhi oleh momentum sesuatu kenderaan. Lori kompaktor mempunyai kapasiti 16 tan manakala lori tipper satu tan hanya berkapasiti 1 tan dalam mengangkut sisa pepejal. Hentakan hasil daripada kejutan jalan raya seperti brek mengejut adalah bergantung kepada momentum sesuatu kenderaan tersebut.

Menurut konsep momentum, momentum(p) merupakan hasil darab jisim(m) dalam kilogram (Kg) dan juga halaju (v) dalam meter per saat (ms<sup>-1</sup>). Ini menyimpulkan momentum adalah lebih tinggi pada lori kompaktor berbanding lori tipper satu tan berdasarkan jisim untuk lori kompaktor adalah lebih tinggi berbanding jisim lori tipper satu tan. Faktor momentum yang lebih tinggi merupakan salah satu faktor yang menyebabkan magnitud getaran semasa memandu lebih tinggi, perkara ini dapat juga dilihat daripada nilai getaran yang dihasilkan pada paksi-x. Pendedahan getaran pada paksi-x yang berbentuk pecutan r.m.s, iaitu getaran kehadapan dan kebelakang.

Data magnitud getaran semasa memandu (Jadual 4) memberikan nilai bacaan min magnitud getaran pecutan r.m.s pada paksi x untuk kumpulan pemandu lori kompaktor adalah 1.845 ms<sup>-2</sup>, manakala nilai bacaan min magnitud getaran pecutan r.m.s pada paksi x untuk kumpulan pemandu lori tipper satu tan adalah 0.003 ms<sup>-2</sup>. Daripada data ini dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan yang ketara magnitud getaran yang dihasilkan oleh kedua-dua jenis lori berkenaan.

## CADANGAN

### Kepada penyelidik

Para pengkaji yang ingin mengkaji pendedahan getaran semasa memandu dan sakit pinggang dikalangan pemandu haruslah menitik beratkan juga faktor-faktor lain yang membolehkan berlakunya sakit pinggang seperti postur janggal dan lain-lain. Selain itu, jenis kajian rentas juga adalah sukar menggambarkan akan keadaan sebenar sesuatu pendedahan faktor yang menyebabkan berlakunya sakit pinggang dikalangan para pemandu khususnya. Kajian jenis kajian berterusan adalah lebih bersesuaian untuk memastikan faktor-faktor lain yang menyebabkan sakit pinggang dikalangan pemandu dapat dikenalpasti dengan lebih tepat. Selain itu, pengkaji pada masa akan datang perlulah menyampel keseluruhan daripada populasi untuk tujuan pengenalpastian punca masalah sakit pinggang yang lebih tepat.

### Pengamal kesihatan pekerjaan

Pengkaji mencadangkan pihak pengurusan mengambil langkah pencegahan dan kawalan terhadap masalah sakit pinggang yang berlaku dikalangan pemandu untuk memastikan persekitaran kerja adalah selamat. Pihak pengurusan haruslah memberikan kemudahan seperti alas duduk ergonomik untuk memastikan para pemandu tidak terdedah secara terus dengan getaran yang dihasilkan oleh lori yang dipandu. Selain itu, penyelenggaraan lori juga harus dibuat untuk memastikan lori yang dipandu oleh pemandu lori berada dalam keadaan yang baik.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kesemua (100%) responden (n=24) menghadapi sakit pinggang dalam tempoh 12 bulan terkini. Ini menunjukkan terdapat masalah sakit pinggang dikalangan pemandu lori kompaktor dan pemandu lori tipper 1 tan yang berkerja di bawah Syarikat A di Seberang Perai, Pulau Pinang. Hasil daripada kajian juga mendapati magnitud getaran pendedahan getaran iaitu nilai EAV dan ELV ke atas responden juga melebihi seperti yang ditetapkan oleh ISO

2631-1 dan European Union Directive. Nilai dos pendedahan harian untuk kedua-dua kumpulan responden mempunyai min 2.640 ms<sup>-2</sup> untuk lori kompaktor dan 2.611 ms<sup>-2</sup> untuk lori tipper satu tan. Daripada kedua-dua nilai pendedahan dos harian didapati bahawa kedua-dua nilai adalah melebihi nilai limit pendedahan getaran harian (ELV) 1.15 m/s<sup>2</sup> dan nilai pendedahan getaran harian bertindak (EAV) 0.5 m/s<sup>2</sup> (European Parliament Council, 2002). Nilai ini juga melebihi standard seperti yang ditetapkan sebagai tahap keselesaan dalam standard ISO 2361-1 iaitu 0.5 m/s<sup>2</sup>. Hasil analisis kajian mendapati terdapat perkaitan yang signifikan diantara pembolehubah pendedahan getaran semasa memandu dan juga sakit pinggang dalam kalangan pemandu lori kompaktor dan pemandu lori tipper satu tan.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan daripada MPSP khususnya pengarah dari bahagian pengurusan perbandaraan En, Mohd Puad Hamid kerana membenarkan kajian ini dilakukan di jabatan ini. Tidak lupa juga kepada En. Murrugayah A/L Arumugam kerana membantu mengkoordinasi pekerja dan juga peralatan serta keperluan yang diperlukan oleh penulis semasa kajian dilakukan. Tidak lupa juga kepada pegawai sains Universiti Putra Malaysia yang telah memberikan kepercayaan kepada penulis untuk menggunakan peralatan daripada Makmal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UPM. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof Madya Dr Shamsul Bahri Mohd Tamrin kerana memberikan kebenaran menggunakan borang soalselidik yang telah beliau terjemahkan. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah kerana membantu penulis di dalam kajian rintis yang dilakukan. Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada rakan-rakan seperjuangan iaitu para pelatih Penolong Pegawai Kesihatan persekitaran batch 23 kerana banyak membantu dalam memberikan tunjuk ajar dan juga sokongan sepanjang kajian dan latihan ini. Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di atas kebenaran untuk menerbitkan artikel ini. Penghargaan juga kepada Pengarah dan Ketua Program Kesihatan Persekitaran Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sungai Buloh.

## RUJUKAN

- Aini NA, Huda BZ. (2015). Prevalence of musculoskeletal symptoms and its associated risk factors among bus drivers in a university in Malaysia. *International Journal of Public Health and Clinical Sciences*. 2 (1): 34-45.
- Andrusaitis SF, Oliveira RP, Barros Filho TEP. (2006). Study of the prevalence and risk factors for low back pain in truck drivers in the state of Sao Paulo, Brazil. *CLINICS*. 61 (6): 503-10.
- Miyamoto M, Shirai Y, Nakayama Y, Gembun Y, Kaneda K. (2000). An epidemiologic study of occupational low back pain in truck drivers. *Journal of Nippon Medical School*. 67 (3): 186-190.
- Tiemessen IJH, Hulshof CTJ, Frings-Dresen MHW. (2008). Low back pain in drivers exposed to whole body vibration: Analysis of a dose-response pattern. *Occupational Environmental of Medicine*. 65: 667-675. Doi:10.1136/oem.2007.035147
- Rozali A, Rampal KG, Shamsul Bahri MT, Sherina MS, Shamsul Azhar S, Khairuddin H, Sulaiman A. (2009). Low back pain and association with whole body vibration among military armoured vehicle drivers in Malaysia. *Medical Journal of Malaysia*. 64 (3): 197-204.
- International Standard Organization for Standardization. (1997). ISO 2631-1: Mechanical vibration and shock; evaluation of human exposure to whole-body vibration; part 1 General requirements. Genève, Switzerland: International Organization for Standardization. Second edition.
- Human vibration meter technical reference manual. (2010). Model HVM100 human vibration meter technical reference manual. Copyright by PCB Piezotronics, Inc.
- Kuorinka I, Jonsson B, Kilbom A, Vinterberg H, Biering-Sorensen F, Andersson G, Jorgensen K. (1987). Standardized Nordic questionnaire for the analysis of musculoskeletal symptoms. *Applied Ergonomic*. 18: 233-237.

- Stanley Lemeshow, David W. Hosmer Jr, Janelle Klar, dan Stephen K. Lwanga. (1990). Adequacy of sample size in health studies. World Health Organization.
- Directive 2002/44/EC of the European parliament and of the council. (2002). on the minimum health and safety requirements regarding the exposure of workers to the risk arising from physical agents (vibration). Official Journal of the European Communities, Annex B; Article 3; Exposure limit values and action values: 1-12.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*, 2nd ed. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Palmer KT, Griffin MJ, Syddall HE, Pannett B, Cooper C, Coggon D. (2003). The relative importance of whole body vibration and occupational lifting as risk factors for low back pain. *Occupational Environmental Medicine*. 60: 715-721.
- Hoy D, March L, Brooks P, Blyth F, Woolf A, Bain C, Williams G, Smith E, Vos T, Barendregt J, Murray C, Burstein R, Buchbinder R. (2014). The global burden of low back pain: estimates from the Global Burden of Disease 2010 study. *Annals of the Rheumatic Diseases*. 73: 968-974.
- Chen JC, Chang WR, Chang W, Christiani D. (2005). Occupational factors associated with low back pain in urban taxi drivers. *Occupational Medicine*. 55: 535-540.
- Erlich GE. 2003. Low Back Pain. *Bulletin of the World Health Organization*. 81 (9): 671-676.
- Lewis CA, Johnson PW. (2012). Whole-body vibration exposure in metropolitan bus drivers. *Occupational Medicine*. 62: 519-524.



## Heavy Metals in Dried Squids (*Loligo sp.*) in Melaka Tengah District

Nurul Aidah Ehsanuddin<sup>1</sup>, Farah Ayuni Shafie<sup>1\*</sup>, Amir Heberd Abdullah<sup>2</sup>, Sundara Rajan Mahalingam<sup>2</sup>, Chua, Say Tiong<sup>2</sup>, & Kamaruddin Arshad<sup>2</sup>  
<sup>1</sup>Centre of Environmental Health and Safety, Faculty of Health Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Puncak Alam Campus  
<sup>2</sup>Faculty of Health Sciences, Universiti Teknologi MARA, Penang, Malaysia

\*Corresponding author: farahayuni@salam.uitm.edu.my

### Abstract

The aim of the study was to determine the concentration of selected heavy metals (Cd, Cu, and Zn) in dried squids (*Loligo sp.*). Dried squid samples were purchased randomly from different markets in Melaka Tengah district. The sampling was according to species with size ranging from 30 to 40 cm. The samples were homogenized and pounded to ash using muffle furnace. Then, they were analyzed using Graphite Furnace Atomic Absorption Spectrophotometer (GFAAS). The heavy metal concentrations were found to be in an order of Zn > Cu > Cd. All the studied heavy metal concentrations were below the maximum permissible levels postulated in Malaysian Food Act 1983 and its Regulations. The concentrations were also below the levels observed by several selected food safety guidelines. Hazard index for consumption of dried squids was less than 1.0 which indicates that the intake of heavy metals from the consumption of the dried squids does not pose a significant hazard to humans.

**Keywords:** dried squid (*Loligo sp.*), heavy metals, hazard index

© 2018 MAEH Research Centre.  
 All rights reserved

### INTRODUCTION

Human population of the world has increased as years pass by. Human population growth is unavoidable with the development of industries (Alina et al., 2012). Modernization and urbanization process, as well as anthropogenic activities has amplified the problems related to contamination of aquatic environments (Mahmood et al., 2012). Moreover, population growths also give significant rise in food demands. Mostly, in developing countries, seafood is one of the essential protein-rich elements in many diets. However, the quality of seafood is threatened by the usage of coastal waters as a simple repository for wastes (Alina et al., 2012; Akpor et al., 2014). It also cannot be relieved from the combinations of contaminants that originate from the industries. Most of these revealed a vital persistence and high potential of the bioaccumulation process (Caggiano et al., 2005; Younis et al., 2015).

Heavy metals are considered as highly toxic pollutants. Low amount of heavy metals are considered ordinary elements for marine organisms but they are potentially toxic and may disturb biological activities of aquatic ecosystems at high amounts (Singh et al., 2011). There are both essential and non-essential heavy metals. According to Khillare et al. (2015), several pollutants that are significant to be concerned include arsenic, cadmium, mercury, and lead. Most of living organisms need certain amount of essential metals such as iron, copper, and zinc for critical purposes including growth (Chris et al., 2012). Nevertheless, all this metal will give harmful effects when surpassed certain limit (Beldi et al., 2006).

Most seafood are known to be concentrated with trace metals through the food web. Cephalopods are carnivores with very high metabolism and have persistent pollutant bioaccumulation of trace metals. They feed on the crustaceans, mollusks, small fishes and other cephalopods (Pierce et al., 2005; Xinjun et al., 2007). Numerous trace metals eventually accumulates and are stored within cephalopods. Cephalopods become vital food for other living creatures like large fish, seabirds and marine mammals. Successively the trace metals are then passed on to predators, and therefore have potential to increase the concentration of pollutants in higher trophic level including humans (Kim et al., 2008).

### MATERIAL AND METHODS

Independent and dependent variables of the study had been identified. Independent variable is the types of dried squid batches, while the dependent variables are the concentration of heavy metals cadmium (Cd), copper (Cu), and zinc (Zn). Dried squid samples were purchased randomly from different markets in Melaka Tengah district. Dried squids from *Loligo sp.* of size ranging from 30 to 40 cm were randomly sampled (n = 60).

#### Data Collection and Analysis

A food blender was used to homogenize the dried squids. An amount of sample weighing 5g was weighed using analytical balance and was placed in a high porcelain crucible. Then, it was transferred into a muffle furnace at a temperature of 450°C for 8 hours until a white or grey ash residue was obtained.

After that, five mL of 6M hydrochloric acid (HCL) was added into the crucible. The crucible was then put on a hot plate at a temperature of 85 - 95°C to prepare the sample solution. Whatman 41 filter paper was used to filter the sample solution. The final residue was dissolved with 0.1M nitric acid (HNO<sub>3</sub>) solution to 50mL level in a vial.

For calibration purpose, standard solutions were prepared for each heavy metal once the sample was digested. Calibration was performed with calibration blank (1% HNO<sub>3</sub>) and four standards prepared before. Then the selected heavy metal concentrations was analyzed using Graphite Furnace Atomic Absorption Spectrophotometer (GFAAS). A Quality Control (QC) reference was run for every ten samples ran. At the end of the running, QC was analyzed again. The recovery of QC has to be within 90 – 110 % of expected concentration.

“Statistical Package for the Social Sciences” (SPSS) software version 21.0 was used to analyze the sampling data. An independent t-test analysis was applied to the observed data to compare the heavy metal concentrations of Cd, Cu, and Zn between two batches.

### Health Risk Assessment

